


Jilid I  
Bil. 25



Hari Khamis  
8hb Januari, 1976

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

*SENATE*

PARLIMEN KEEMPAT

*Fourth Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 2425]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) [Ruangan 2444]

**MALAYSIA**  
**PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL PERTAMA**

---

Hari Khamis, 8hb Januari, 1976

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR:**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, P.J.K., A.M.N. (Melaka).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

Yang Berhormat DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

## YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK OON, S.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

MESYUARAT DEWAN NEGARA OLEH  
MENTERI-MENTERI

**1. Tuan A. Arunasalam** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Timbalan-timbalan Menteri atau Setiausaha-setiausaha Parlimen kepada Kementerian-kementerian sahaja yang menghadiri sidang-sidang mesyuarat Dewan Negara dan jarang sekali Menteri-menteri sendiri hadir untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli hinggalah kadangkala seorang Timbalan Menteri sahaja yang hadir untuk menjawab segala soalan-soalan pada sesuatu persidangan dan nyatakan apakah rancangan-rancangan Kerajaan untuk meninggikan imej Majlis Dewan Negara pada masa akan datang.

**Pemangku Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar, kadangkala, hanya Timbalan-timbalan Menteri sahaja yang memberi jawapan kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi ini bukanlah satu dasar atau amalan tetap. Sebaliknya Menteri-menteri ada juga memberi jawapan kepada soalan yang dikemukakan itu.

Sebenarnya, Kerajaan tetap menjaga martabat Dewan Negara dan sentiasa memberi perhatian yang wajar kepadanya. Para Menteri akan menghadiri Persidangan Dewan Negara seberapa yang boleh. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat tentu juga bersetuju bahawa Timbalan-timbalan Menteri ada tugas yang mereka perlu tunaikan iaitu untuk membantu Menteri-menteri di samping melatih diri mereka dalam urusan Parlimen, khasnya Dewan Negara. Dalam hubungan ini, kerjakerja menjawab soalan Parlimen dibahagikan di antara mereka seperti yang kadang-kadang berlaku di Dewan Rakyat.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada kaca mata Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri kita kepada Menteri-menteri dan Timbalan Menterinya mana lebih penting menghadiri mesyuarat Dewan Rakyat dengan Dewan Negara.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sama-sama penting.

KAUM MELAYU, CHINA DAN INDIA—  
KAJIAN KEDUDUKAN

**2. Tuan A. Arunasalam** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah apa-apa rancangan untuk membuat kajian mengenai keadaan dan kedudukan kaum Melayu, China dan India di negara kita untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kaum yang tidak berada.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, kajian seumpama ini tentunya penting dan merupakan tanggungjawab yang berterusan kepada semua agensi perancangan Kerajaan. Beberapa kajian yang penting sedang dijalankan bersama dengan Bank Dunia dan F.A.O. dan ini akan dibayangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Kerajaan sedar akan perlunya menjalankan kajian yang berterusan tentang kedudukan dan masalah golongan miskin di negeri ini di kawasan bandar dan luar bandar. Saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada kajian seumpama ini dalam proses perancangan untuk rakyat.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan bercadang hendak membuat satu dasar bahawa golongan yang berada dan yang mewah supaya ditawakufkan pengaliran kepada mereka itu sementara waktu dan diberi kepada mereka yang tidak berada supaya rezki negeri ini didapati oleh semua rakyat dengan cara adil.

**Datuk Abdullah Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah dasar Kerajaan ini untuk menolong orang miskin menjadi kaya.

### ANGKATAN TENTERA—KERJASAMA ORANG RAMAI MENENTANG PENGGANAS KOMINIS

**3. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk mendapatkan kerjasama dan bantuan yang berkesan dari orang ramai kepada pasukan keselamatan kita untuk melawan pengganas-pengganas kominis.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk mendapatkan kerjasama dan bantuan yang berkesan dari orang ramai dalam rangka menentang pengganas-pengganas kominis. Malah semua rancangan-rancangan Kerajaan secara langsung ataupun tidak langsung berkait dengan tujuan-tujuan ini. Seperti Yang Berhormat itu sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan juga Pasukan-pasukan Rela dan melancarkan Rancangan Rukun Tetangga supaya rakyat di dalam kawasan-kawasan yang berkenaan dapat menjaga kepentingan dan keselamatan bersama.

Selain dari itu, pihak Angkatan Tentera pula telah menjalankan projek “jiwa murni” yang bertujuan mengeratkan tali persahabatan dan perhubungan antara rakyat dan Angkatan Tentera. Di bawah rancangan ini Angkatan Tentera, di samping menjalankan tugas operasi, juga memberi perkhidmatan seperti rawatan perubatan percuma kepada orang ramai di kawasan-kawasan yang sukar mendapat kemudahan perubatan, membuat perigi, jalan dan lain-lain dan bergotong-royong dengan penduduk-penduduk tempatan dalam membersihkan kawasan dan sebagainya. Di hari-hari perayaan pula anggota-anggota tentera adalah digalakkan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan amal seperti menderma darah, mengadakan pertunjukan hiburan dan lain-lain untuk orang ramai.

Pada masa malapetaka alam, seperti banjir, Angkatan Tentera adalah memberi khidmat sepenuhnya untuk membantu rakyat baik dalam segi menyelamatkan nyawa atau menghantar bekalan makanan supaya akibat malapetaka ini dapat dikurangkan. Semua kegiatan ini adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara rakyat dan Angkatan Tentera (melalui kegiatan-kegiatan di mana

kedua-dua pihak berganding bahu) supaya rakyat memberikan pula kerjasama mereka kepada Kerajaan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa satu daripada musabab kurangnya dapat kerjasama daripada orang ramai kepada pasukan keselamatan kita atau pasukan pertahanan kita dengan sebab mereka sangsi atau bertanya kenapa sehingga sekarang ini Kerajaan tidak dapat mewujudkan Kementerian Pertahanan yang penuh seperti Menteri-menteri yang lain, maka sekurang-kurangnya, ini kata rakyat, boleh mengurangkan bebanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, soal Kementerian penuh memangnya sebuah Kementerian yang tersendiri sekarang ini—Kementerian Pertahanan. Tentang kurang kerjasama itu adalah satu perkara yang tidak tepat, kerana walau bagaimanapun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan menjalankan tugas dengan adanya kerjasama dan perhubungan pegawai-pegawai di dalam Kementerian itu bagi menjalankan tugas-tugas memenuhi keperluan-keperluan pertahanan negara. Di samping itu baru-baru ini seorang Timbalan Menteri telahpun dilantik (*Ketawa*).

**Tuan Chua Ching Cheng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah kerana kekurangan penyertaan rakyat keturunan China di dalam Pasukan Keselamatan ini menjadikan satu sebab kelemahan pasukan keselamatan kita? Oleh kerana pengganas-pengganas kominis adalah terdiri dari kaum China, sekiranya kita mendapatkan lebih ramai rakyat keturunan China untuk menyertai dalam pasukan keselamatan, maka pasukan keselamatan kita akan dapat menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan. Adakah ini satu daripada sebabnya?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyertaan perkara ini tidak timbul kerana kecekapan dan perhubungan yang ada di antara pasukan angkatan tentera kita dengan masyarakat dan langkah-langkah seperti yang saya katakan

tadi dengan sendirinya boleh melicinkan dan memperbaiki hubungan antara masyarakat dan angkatan tentera sendiri.

**Tuan Chua Ching Cheng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan menimbang supaya mengambil lebih banyak lagi rakyat kaum China atau kaum India untuk menyertai dalam pasukan-pasukan keselamatan kita bagi mengimbangkan keadaan kaum di dalam pasukan keselamatan kita.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sewajarnya bagi menjalankan dan memenuhi jawatan-jawatan dan tempat-tempat di dalam angkatan tentera kita telahpun dibuat, sedang dibuat dan akan terus dibuat mengikut dasar-dasar Kerajaan yang ada sekarang ini.

#### LETUPAN KEPADA TUGU KEBANGSAAN

**4. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah hasil tindakan Kerajaan setakat ini untuk menangkap mereka yang meletupkan Tugu Kebangsaan; samada pengeboman itu di bawah arahan Parti Komunis Malaya dan samada bahan-bahan letupan yang digunakan buatan dalam negeri atau luar negeri dan berapa ditaksirkan kemusnahan itu.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, ada seramai 22 orang telah ditangkap di dalam siasatan Polis berkaitan dengan kejadian sabotaj yang berlaku di Tugu Kebangsaan. Kesemua yang ditangkap telah dibebaskan, kecuali 5 orang yang telah dikenakan sekatan di bawah perintah-perintah sekatan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, kerana kegiatan-kegiatan sabversif. Berikut dari soal desa yang dilakukan ke atas orang-orang yang ditangkap itu Polis mengetahui identity 2 orang daripada yang terlibat di dalam kejadian ini dan segala usaha sedang dijalankan untuk mengesan dan menangkap mereka. Kejadian sabotaj yang dilakukan oleh anasir-anasir Barisan Pembebasan Nasional Malaya yang menerima arahan dari Parti Komunis Malaya. Barisan tersebut adalah di bawah kontrol Parti Komunis Malaya.

Bahan-bahan letupan yang digunakan di negeri ini adalah dibuat di negeri ini dan kerosakan ke atas Tugu Kebangsaan adalah ditaksirkan lebih kurang \$1 juta.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah betul dengan sebab kurang cekapnya anggota Polis kita pada hari itu maka beberapa orang yang disyaki membuat kejadian itu telah terlepas daripada tangkapan.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, tidak betul.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa patung-patung Tugu Kebangsaan itu lebih merupakan orang-orang kulit putih daripada orang-orang Malaysia. Jika sedar, bolehkah Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa patung-patung baru untuk menggantikan patung-patung yang telah rosak itu hendaklah rupanya sama seperti orang-orang Malaysia yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah soalan lain, tetapi adalah diambil ingatan.

**Datuk Dr Wee Khoo Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan jumlah anggaran untuk membaiki Tugu Kebangsaan ini dan setakat hari ini jumlah sumbangan yang telah diterima oleh Kerajaan dari semua pihak.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, itu juga soalan lain.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya apakah tujuan-tujuan pegganas-pegganas kominis itu meletupkan Tugu itu. Adakah untuk melemahkan morale penduduk-penduduk di tanahair kita ataupun lain-lain?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah menurut penilaian masing-masing tetapi pada anggapan saya tujuan mereka itu ialah hendak merosakkan harta-harta Kerajaan dengan maksud sabotaj

yang dikatakan tadi dan juga mencuba hendak melemahkan semangat rakyat Malaysia.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya minta maaf oleh kerana saya datang lambat kerana saya kena traffic jam dan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya apa? (*Ketawa*).

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana letupan Tugu Kebangsaan ini adalah sangat besar iaitu tiap-tiap warganegara mesti merasai dukacita oleh kerana musuh kita itu menjahanamkan Tugu Kebangsaan (National Monument). Bagaimana kah Kerajaan memandang atas langkah-langkah musuh kita untuk meletupkan Tugu Kebangsaan, dan rakyat dengan sukarela menderma wang untuk membangunkan balik National Monument. I can't put it in a . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan tambahannya? (*Ketawa*).

**Tuan T. S. Gabriel:** Allow me to put it in English, Tuan Yang di-Pertua. The destruction of the National Monument should have affected the life . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak izinkan menggunakan bahasa Inggeris; gunakan Bahasa Malaysia.

**Tuan T. S. Gabriel:** Musuh telah menjahanamkan Tugu Kebangsaan. Pada pandangan saya perkara ini adalah sangat penting bukan seperti pembunuhan seorang askar atau Polis—ini boleh dikatakan isolated incident sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong kemukakan soalan tambahan cepat sedikit.

**Tuan T. S. Gabriel:** Saya buat soalan saya seperti bercerita (*Ketawa*). Bagaimana perasaan Kerajaan atas tindakan musuh-musuh itu?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dihasratkan oleh Ahli Yang Berhormat itu begitulah hasrat rakyat Malaysia umumnya yang mencintai negaranya dan kerana itu kutipan

derma dapat sambutan yang sangat baik dan menurut berita yang terakhir yang saya dapat tahu lebih \$600,000 telah terkumpul. Menurut anggaran \$1 juta yang dicadangkan. Jadi, saya harap Yang Berhormat juga dapat menyeru lebih banyak lagi kepada orang ramai supaya derma-derma ini lebih banyak datang.

#### MENARIK BALIK SOALAN No. 4 DAN No. 5

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini telah saya bangkitkan menjadi soalan tambahan semalam, maka dengan ini saya tarik balik soalan No. 4 dan No. 5.

#### KEDUTAAN MALAYSIA DI AUSTRALIA/ NEW ZEALAND

**6. Puan Zawiyah binti Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada kedutaan kita di Australia dan New Zealand selalu membuat perhubungan dengan pelajar-pelajar kita di sana untuk menerangkan perkembangan-perkembangan yang berlaku di Malaysia.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia dan New Zealand sentiasa berhubung dengan pelajar-pelajar Malaysia menerusi pusat-pusat pelajar, 9 di Australia dan 6 di New Zealand persatuan-persatuan mereka dan juga dengan individu-individu yang berhubung dengan pejabat-pejabat itu. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi serta pegawai-pegawainya, khususnya Atasye-atasye pelajaran sering melawat pusat-pusat pelajar tersebut dengan mengambil kesempatan itu menerangkan perkembangan-perkembangan baru di tanahair dan juga membincangkan kesulitan-kesulitan yang mereka hadapi.

Sayugia dinyatakan Atasye-atasye Pelajaran itu yang sebenarnya berkhidmat di bawah Kementerian Pelajaran sentiasa bekerjasama dengan perwakilan-perwakilan kita di seberang laut untuk mengadakan hubungan yang rapat dengan pelajar-pelajar kita.

Pesuruhjaya-pesuruhjaya adalah juga memberikan bantuan wang kepada persatuan-persatuan pelajar dalam aktiviti-aktiviti mereka terutama dalam bidang sukan. Pelajar-pelajar Malaysia diundang ke majlis-majlis keraian yang diadakan oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi itu terutama ke majlis sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Ulang Tahun D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebaliknya pegawai-pegawai Pesuruhjaya Tinggi sering menghadiri majlis-majlis yang diadakan oleh pelajar-pelajar itu sendiri.

Semua pusat-pusat pelajar dibekalkan dengan naskah-naskah akhbar Malaysia, umpamanya, The New Straits Times, Utusan Malaysia, Berita Harian dan terbitan-terbitan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra seperti Malaysia Panorama, The Foreign Affairs dan Malaysia in Brief. Tiap-tiap pelajar yang mendaftarkan diri dengan pejabat itu menerima akhbar Malaysian Digest yang dikeluarkan dua minggu sekali. Filem-filem dan slide berwarna mengenai Malaysia juga dipinjamkan kepada mereka yang ingin menggunakannya. Oleh sebab pelajar-pelajar kita di Australia dan New Zealand tersebar di merata-rata tempat, kemudahan-kemudahan tersebut tentulah terhad kepada mereka yang mendaftarkan nama mereka dengan Pesuruhjaya itu dan kepada mereka yang menggunakan pusat-pusat pelajar ataupun yang berhubung dengan pejabat-pejabat itu. Adalah menjadi hakikat bahawa kebanyakan pelajar kita tidak mendaftarkan diri mereka dengan Pesuruhjaya-pesuruhjaya ataupun menggunakan pusat-pusat pelajar yang dilengkapkan dengan beberapa terbitan-terbitan dan akhbar-akhbar Malaysia.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri mengatakan Pesuruhjaya kita sentiasa berhubung rapat dengan penuntut-penuntut kita di Australia dan New Zealand. Saya hendak bertanya sebagai pertanyaan tambahan iaitu kenapakah Pesuruhjaya kita di Australia gagal dalam usaha untuk memecahkan persatuan-persatuan penuntut di antara penuntut-penuntut yang ada daripada Singapura dan Malaysia, manakala di England telahpun kita pecahkan menjadi dua persatuan iaitu Persatuan Penuntut Malaysia dan Persatuan Penuntut Singapura; tetapi di Australia

Pesuruhjaya kita gagal dalam usaha memecahkan kedudukan pertubuhan penuntut yang boleh merosakkan kedudukan penuntut-penuntut kita di sana.

**Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau hendak dikatakan oleh sebab tidak dapat dipecahkan satu-satu persatuan yang telah digabungkan dengan satu-satu persatuan yang lain oleh sebab gabungan ini adalah satu gabungan yang mana saya rasa tidak boleh kita dengan kuasa yang keras memecahkan satu-satu gabungan yang dibuat terlebih dahulu daripada apa yang terdapat dan yang hendak dipecahkan sekarang ini. Jikalau kita sifatkan tidak dapat hendak pecahkan itu adalah satu kegagalan, saya rasa itu salah pada fikiran saya kalau kita hendak mengatakan itu criterianya. Jadi sebab itulah saya rasa hendak dikatakan Pesuruhjaya Tinggi di Australia tidak dapat memecahkan gabungan ini maka itu adalah gagal, saya rasa pandangan saya tidak sama dengan pandangan Yang Berhormat itu.

#### **HOSPITAL BESAR MUAR KEKURANGAN DOKTOR**

**7. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pada masa ini dianggar kekurangan 10 orang pegawai perubatan di Hospital Besar Muar yang mempunyai tenaga 8 orang Pakar Perubatan dan 15 orang Pegawai Perubatan; dan
- (b) jika sedar, bolehkah Menteri mengambil langkah-langkah yang segera supaya menghantar lebih ramai pegawai perubatan ke Hospital Besar tersebut bagi meringankan keadaan kekurangan yang serius dan memberi perkhidmatan yang lebih sempurna dan cekap kepada rakyat jelata di daerah Muar.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak termaklum. Pada masa ini Hospital Besar Muar mempunyai 6 orang Doktor Pakar dan 14 orang Pegawai Perubatan. Selain daripada itu, di hospital ini juga, terdapat 6 orang Doktor Pelatih. Kekurangan

tenaga pegawai perubatan yang sebenarnya ialah: 2 orang Doktor Pakar dan 1 orang Pegawai Perubatan. Keadaan ini tidaklah seberapa buruk apabila dibandingkan dengan setengah-setengah Hospital yang ada dalam negara ini.

- (b) Kementerian saya akan menghantarkan Doktor-doktor Pakar dan Pegawai-pegawai Perubatan biasa ke Hospital Besar Muar dari masa ke semasa, bergantung kepada kedudukan Pakar-pakar dan Pegawai-pegawai Perubatan secara keseluruhan dalam negara ini.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita patut bangga kepada Kementerian Kesihatan yang telah menghantar 6 Pakar Perubatan, 14 Pegawai Perubatan dan 6 lagi Doktor Pelatih oleh sebab penduduk di Muar banyak. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penerangan sedikit, pakar yang 6 ini pakar apa? Satu daripadanya pakar mata, ini telah diketahui (*Ketawa*).

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis (*Ketawa*)

**Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah pergi melihat ke Rumah Sakit Muar. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar iaitu katil-katil di Rumah Sakit Muar, terutama sekali di Ward 3 bukan sahaja berkurangan, malahan sudah buruk ke semuanya. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk menggantikan katil-katil yang telah usang itu dengan katil-katil yang baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat tidak ada kaitannya dengan pertanyaan asal.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan telah menyatakan di Dewan ini, tetapi saya ingin membuat satu soalan tambahan bagi penjelasan. Pada masa sekarang bila mana ada terjadi satu kes yang serious dan tidak ada kepakaran yang boleh merawat sakit itu dimanakah sakit ini akan dihantarkan dengan seberapa segera supaya dapat rawatan.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, itupun saya rasa soalan lain.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkara kekurangan Pegawai Perubatan atau Pakar Perubatan di Hospital Daerah Muar bukan sahaja tidak cukup Pegawai Pakar Perubatan, sebab ini berkait dengan Kementerian. Kita tahu pakar perubatan ada dua jenis. Satu jenis biasa dan satu jenis khas. Mengapa Pakar Mata diletakkan di kawasan Muar dan tidak di kawasan Johor Bahru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Begitulah. (*Ketawa*)

**Dr Lim Keng Yaik:** Bukan oleh sebab di daerah Muar sekarang ada 300,000 orang tetapi tidak cukup kemudahan-kemudahan (facilities). Pakar ini mesti diletakkan di kawasan Johor Bahru. Mengapa Pakar Mata itu diletakkan di Muar dan tidak di Johor Bahru?

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu pun soalan mata, jauh sedikit daripada soalan yang pertama.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Bagaimana kita semua sedia maklum kekurangan pakar-pakar dan alat-alat bukan sahaja di hospital yang tersebut bahkan di seluruh negara. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sesiapa pegawai yang menjalankan tugas untuk menyasat di hospital untuk mendapatkan kekurangan alat-alat atau pakar-pakar, jika tidak, adakah apa-apa rancangan untuk mengadakan satu Committee yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan untuk menyasat keadaan hospital-hospital di seluruh negara?

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Kesihatan mengetahui kekurangan pegawai-pegawai dan kekurangan pakar, katil dan sebagainya, yang mana kami semua ketahui bahawa ianya sebagai sebuah Kementerian, tetapi oleh kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kalau kekurangan doktor atau pakar mestilah dicari pakar atau doktor, manakala mengadakan pakar ataupun doktor itu bukanlah perkara yang boleh disediakan dalam masa setahun ataupun dua tahun dan begitu juga kekurangan katil dan lain-lain, kita terpaksa mengadakan wang yang banyak dan untuk mengadakan wang

yang banyak Ahli Yang Berhormat sendiri pun sedia maklum bagaimanakah keadaan kewangan negara kita pada masa sekarang ini. Walau bagaimanapun, ini adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Kesihatan untuk melengkapkan segala-galanya demi kepentingan kesihatan dan kebaikan rakyat jelata.

**Puan Dasimah Dasir:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dukacita Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tadi iaitu jika sekiranya beliau sudah tahu kekurangan itu mengapa tidak dicari pakar-pakar dan pegawai-pegawai supaya tidak bertanggung pula dari setahun ke setahun. Kalau sekiranya di satu-satu kawasan berkehendakkan pakar-pakar, ini akan menyebabkan pesakit itu mati teraniaya. Dan akan dikatakan juga bahawa wang Kerajaan tak cukup. Saya fikir boleh diatasi dengan wang pinjaman Kerajaan yang berjuta-juta. Jadi saya rasa dukacita atas jawapan Timbalan Menteri tadi, tetapi mengapakah Menteri Kesihatan tidak mengambil tindakan dengan cepat?

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tindakan yang cepat itulah menjadi satu perkara yang tak boleh dibuat oleh Kementerian ini, walau bagaimanapun untuk melengkapkan pegawai pakar itu, Kementerian Kesihatan telahpun menyediakan Fakulti-fakulti Perubatan di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan juga ataupun Kerajaan telah mengambil doktor-doktor dan pakar-pakar daripada luar negeri untuk memenuhi kekurangan jawatan-jawatan itu dan dalam pada itu juga masih kekurangan. Jadi apa yang dapat Kementerian Kesihatan buat, melainkan menanti lulusan daripada universiti kita, kalau tak silap saya, insya Allah pada tahun 1990 barangkali.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik benar dengan jawapan Timbalan Menteri tadi. Di Muar dikatakan kekurangan yang serious, bukan sahaja doktor tetapi alat-alat perubatan juga kurang. Di Muar ditempatkan 6 orang pakar, doktor specialist, selain daripada doktor biasa, tetapi di tempat itu masih kekurangan alat yang boleh digunakan oleh pakar itu. Tidakkah perbuatan itu mungkin mensia-siakan khidmat kita, sedangkan niat

kita baik hendak memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat, tetapi kekurangan alat-alat menyebabkan tergendala khidmat pakar-pakar itu. Mengapa jadi begitu?

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pakar-pakar dan doktor-doktor itu telah dicakapkan beberapa kali. Saya hendak tahu betul atau tidak pakar-pakar atau doktor-doktor itu tak mahu bekerja di hospital di bawah Kementerian Kesihatan oleh kerana gaji mereka tak cukup, kenaikan pangkat tersekat dan untuk sampai ke Superscale A barangkali cuma beberapa orang sahaja. Dengan sebab itu, mereka tak ada minat hendak bekerja dengan Kementerian, lebih baik bekerja di luar. Betulkah perkara ini terjadi demikian?

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, itu pun soalan lain.

#### I.T.M. KUALA TRENGGANU— PEMBATALAN

**8. Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Pelajaran menerangkan samada benar rancangan mendirikan cawangan Instituti Teknologi MARA di Mengang Telipot, Kuala Trengganu, itu telah dibatalkan. Jika benar, bolehkah Menteri menerangkan siapakah yang mencadangkan pembatalan ini, dan apakah rancangan lain akan digantikan di tempat ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya, benar. Jawatankuasa Kecil Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah memutuskan supaya cadangan kampus cawangan Institut Teknologi MARA di Kuala Trengganu itu dipindahkan ke Dungun. Universiti Pertanian Malaysia sedang bercadang hendak menubuhkan sebuah Field Station untuk kursus perikanan-nya di kawasan tersebut.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Oleh kerana jawapan yang demikian, saya ingin mendapat penerangan yang lebih jelas apa yang dicadangkan oleh Universiti Pertanian untuk mengadakan Field Station di sana, adakah

bila ditubuhkan kelak akan mengandungi bilangan penuntut yang sama sebagaimana yang dicadangkan di Institut Teknologi MARA ataupun mengandungi hanya 10-20 orang penuntut sahaja?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara itu barangkali tidak dapat d'beritahu sekarang oleh kerana selepas penubuhan Field Station itu barangkali kita akan tetapkan bilangan penuntut yang akan memasukinya.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan selain daripada mencadangkan dipindahkan ke Dungun, adakah rancangan Kementerian Pelajaran mendirikan I.T.M. di tempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu ini?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini barangkali tak berapa tepat kepada soalan pokok, tetapi walau bagaimanapun kalau ada kehendak atau permintaan daripada negeri-negeri yang lain, dan juga setelah dikaji oleh Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi, barangkali kita akan menimbangkan perkara itu.

**Puan Hajjah Salmah bin Sheik Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum soalan dikemukakan, saya harap benar pihak Timbalan Menteri tidak menjawab "itu soalan lain" kerana ini pergolakan yang berlaku hari ini. Benarkah sebagaimana yang telah di dakwa oleh pelajar-pelajar I.T.M. yang sedang menunjuk perasaan hari ini bahawa I.T.M. telah menutup Fakulti Pertanian dan lain-lain fakulti di I.T.M. kerana telah diadakan pelajaran itu di Universiti Pertanian, Serdang atau di lain-lain universiti. Kalau benar, tidakkah Kementerian sedar bahawa dengan menutupnya Fakulti Pertanian itu umpamanya akan menambah kurang lagi pelajar-pelajar khususnya bumiputra dibidang tersebut?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu soalan lain, tetapi saya ingat pada hari ini kita pun sedia maklum keadaan kampus I.T.M. adalah heboh. Jadi saya ingat tidak wajar kita membincangkan perkara ini di dalam Dewan sekarang ini.

## MINYAK TANAH BAGI PEKEDAI RUNCIT

**9. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk mendesak pekedai-pekedai runcit yang menjual minyak tanah untuk menggunakan satu sukatan yang sama apabila menjual minyak tanah kerana pengguna-pengguna sekarang ini tiada dapat membeli minyak tanah yang seimbang dengan wang yang mereka bayar.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari daripada kenyataan-kenyataan yang saya terima baru-baru ini dan juga daripada soalan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bahawa ada berbangkit perkara-perkara dalam mana orang-orang yang membeli minyak gas dengan bilangannya kurang daripada harga yang dibayar. Ini adalah disebabkan oleh kerana tidak ada sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tanda sukatan yang sama bagi mengawasi ataupun menjamin supaya minyak-minyak gas yang dijual itu adalah selaras dengan bilangan kati ataupun gelen yang dibeli oleh pihak yang berkenaan.

Tentang perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa ada masalah-masalah terlibat dalam perkara mengadakan satu sukatan yang khas ataupun yang sama kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum orang-orang yang membeli minyak gas di kawasan-kawasan luar bandar adalah membeli mengikut keperluan dan kebolehan mereka. Umpamanya, ada yang hendak membeli satu botol sahaja, ada pula yang membeli setengah botol sahaja ataupun satu tin kecil, setengah tin dan satu tin besar. Ini adalah mengikut kebolehan dan keperluan masing-masing.

Dalam pada itu dengan adanya berbangkit laporan dan aduan yang telah dibuat kepada Kementerian saya termasuk Ahli Yang Berhormat ini saya telah mengarahkan supaya dikaji kemungkinan untuk mengadakan cara-cara sukatan yang sama bagi mengawasi perkara ini supaya tidak berlaku.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah dapat Kementerian ini membuatkan satu

tradisi bahawa menjual minyak tanah di kampung-kampung itu melalui sukatan botol, memang zaman-berzaman begitu dan juga melalui tin, ini lebih jelas. Adakah boleh dibuat keadaan yang demikian itu?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, boleh dibuat tetapi ada kenyataan kepada kita bahawa orang yang membeli minyak ini membawa botolnya sendiri, bukan botol satu kati, kadang-kadang dibawanya botol kurang daripada satu kati. Tetapi oleh kerana dia berpuas hati kerana dapat membeli minyak itu dia tidak tanya (query) lagi, dia terima sahaja jualan satu botol yang kita tahu adalah kurang daripada satu kati yang hendak dibeli. Dalam perkara ini saya sukalah juga Ahli-ahli Yang Berhormat memberi maklum kepada orang yang berkenaan di kawasan-kawasan luar bandar supaya selalu berhati-hati apabila membeli minyak dan menjamin bahawa minyak yang diberi itu adalah selaras dengan banyaknya yang dibeli.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri dan juga Kementeriannya sedar bahawa pada masa ini merata-rata dalam Tanah Melayu ini kekurangan minyak tanah terutama kampung-kampung di kawasan pedalaman yang putus hubungannya dengan bandar? Apakah sebab maka berlaku demikian rupa?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawabnya saya rasa soalan ini sedikit daripada soalan pokok, tambahan saya sudah memberi penjelasan jawapan dalam 2-3 hari dahulu berkenaan dengan masalah kekurangan minyak gas ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini ada kaitan dengan sukatan juga. Saya berpendapat bilakah masanya Kementerian ini hendak mengumumkan kenaikan harga minyak tanah ini supaya senang kepada pekedai-pekedai runcit dan juga kepada orang ramai dengan seberapa segera yang boleh.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, baharu hari inilah saya mendengar harga minyak gas di-

naikkan. Rasa saya tidak ada kenyataan dibuat yang minyak gas sudah dinaikkan harganya.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Bukan begitu, Tuan Yang di-Pertua. Saya berikan penjelasan bilakah masanya Kerajaan hendak mengumumkan kenaikan harga minyak gas itu daripada keadaan yang ada sekarang kepada harga yang lebih tinggi supaya senang rakyat membeli, senang peruncit membeli. Itu maksud saya.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan diambil perhatian.

**Tuan Joseph Unting anak Umang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah minyak tanah atau minyak gas ini mencukupi bagi kegunaan kita di dalam Malaysia atau berkurangan?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, ini juga soalan lain.

**Tuan Joseph Unting anak Umang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di Sarawak mulai dari bulan Januari, 1975 hingga sampai sekarang orang luar bandar di sana semuanya heboh berkenaan dengan minyak gas. Perkara ini saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri samada kurang ataupun mencukupi?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat suka minta penjelasan, rasa saya elok saya memberi penerangan. Buat masa ini bekalan minyak gas tidak begitu mencukupi oleh kerana dua kilang minyak gas yang mengeluarkan minyak gas di Singapura yang biasa mengimpot minyak gasnya ke negara kita ini telah tidak lagi mengimpot minyak gas di sini oleh kerana harga yang kita tetapkan iaitu 81 sen satu gelen adalah harga yang kurang daripada harga kos mengeluarkan minyak ini iaitu lebih kurang \$1.20. Kilang ini di Singapura, di satu negeri yang lain di mana kita tidak ada kuasa mengarah negeri itu mengeluarkan minyak gas untuk diimpot ke negara kita. Jadi pengeluaran minyak gas sekarang ini hanyalah untuk bekalan negara kita adalah daripada kilang memproses

minyak di Port Dickson. Jadi banyak masalah berbangkit berkenaan dengan perkara pengeluaran minyak gas ini dengan kerana harga yang kita tetapkan itu sebagaimana saya kata adalah lebih murah, kurang daripada harga pengeluaran (cost of production). Maka sudah tentulah pihak-pihak yang mengeluarkan minyak itu keberatan mengeluarkan pengeluaran minyak gas yang banyak. Barangkali ada di antara kita di sini yang berniaga sudah tentu bersetuju dengan saya bahawa kita tentu tidak akan mahu mengeluarkan, malah menjual satu-satu barang yang begitu banyak kalau kita sudah tahu ataupun berkeyakinan penuh bahawa penjualan barang itu akan membawa kerugian kepada kita.

#### **PERUNTUKAN KHAS DEWAN BANDARAYA ATAU PROJEK PEMBANGUNAN**

**10. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Kementerian beliau bercadang untuk membuat peruntukan yang berasingan bagi Dewan Bandaraya memandangkan bahawa Dewan Bandaraya tidak dapat menjalankan projek-projeknya sekarang kerana ketiadaan peruntukan daripada Kementerian ini.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat tidak berapa jelas. Sebenarnya Kementerian saya sudah mempunyai peruntukan khas bagi Dewan Bandaraya untuk membolehkannya melaksanakan beberapa projek-projek pembangunan.

Ingin saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Kepala Pembangunan 49 di dalam Belanjawan Persekutuan 1976 yang akan dibentangkan di Dewan ini dan yang menunjukkan bantuan kewangan yang telah dan akan diberi kepada Dewan Bandaraya. Bagi tahun ini, geran sebanyak \$3,200,030 akan diberi untuk keperluan-keperluan sosial, balai bomba dan kelengkapan dan juga untuk pejabat-pejabat kecil Bandaraya. Pinjaman sebanyak \$4,700,020 akan diberi untuk pembinaan pejabat-pejabat Bandaraya yang baru, penyambungan saluran saluran najis dan pembaikan sistem parit di Kuala Lumpur. Sebanyak \$22 juta akan diberi secara pinjaman untuk rancangan-rancangan perumahan awam.

Kerajaan sedar bahawa Dewan Bandaraya dan juga lain-lain penguasa tempatan tidak mempunyai kemampuan untuk melaksanakan projek-projek besar. Misalnya Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan satu sistem saluran najis di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan. Projek ini akan memakan belanja sebanyak \$144 juta bagi peringkat pertama dan akan dibayar daripada pinjaman Kerajaan Pusat dan Bank Dunia.

Ingin juga saya menambahkan bahawa Kerajaan Pusat baru-baru ini telah melantik satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk mengkaji dan membuat sokongan-sokongan berkenaan dengan pembahagian sumber-sumber hasil negara kepada penguasa-penguasa tempatan mengikut peranan penguasa tempatan yang baru sebagai satu penguasa tempatan yang bertanggungjawab untuk membangunkan kawasan mereka itu dalam konteks pembangunan negara. Jawatankuasa ini mungkin dapat mengemukakan perakuan-perakuannya pada awal tahun ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG MEM- BAHARUI UNDANG-UNDANG (KAHWIN DAN PENCERAIAN)**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (7hb Januari, 1976)

*Perbahasan disambung semula.*

3.20 ptg.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Dewan yang mulia ini ditangguhkan petang kelmarin saya telah menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini tidak d'bawa ke Dewan ini dengan secara tergesa-gesa kerana kalau kita lihat tawar'khnya kita dapati bahawa satu Suruhanjaya Di Raja telah dilantik pada bulan Februari tahun 1970 dan Suruhanjaya Di Raja itu telah membentangkan laporannya, saya akan menyentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan laporannya nanti. Selepas itu, satu Rang Undang-undang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 4-12-1972 dan telah juga di Warta Kerajaan

pada 26-4-1973. Pada bulan Mei tahun 1973 satu Jawatankuasa Pilihan Bersama yang terkandung ahlinya daripada Dewan yang mulia ini dan juga daripada Dewan Rakyat telah dilantik dan saya adalah salah seorang yang dilantik oleh Dewan yang mulia ini untuk menduduki Jawatankuasa Pilihan Bersama itu. Selain daripada saya, saya nampak yang masih ada lagi di dalam Dewan ini ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, Datuk Athi Nahappan, dan juga Tan Sri Peguam Negara kita. Seorang lagi ahli yang pada masa itu menjadi wakil daripada Dewan Rakyat tetapi sekarang ini telah menjadi Ahli Dewan Negara ialah Yang Berhormat Encik T. S. Gabriel.

Jadi, kalau saya berdiri menyatakan sedikit sebanyak pandangan saya terhadap Rang Undang-undang yang dikemukakan sekarang ini saya memperkatakan berdasarkan pengalaman yang telah saya terima sebagai seorang ahli Jawatankuasa Pilihan Bersama Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan barangkali dapatlah saya memberi sedikit sebanyak jawapan ataupun teguran bagi kemusykilan yang telah ditimbulkan dalam masa perbahasan ini. Saya tidak bercadang hendak menjawab bagi pihak Menteri, kerana itu bukan tugas saya, kerana saya juga akan mengemukakan beberapa soalan berkaitan dengan Rang Undang-undang yang dikemukakan ini, tetapi untuk memahami Rang Undang-undang yang dikemukakan sekarang ini tidak boleh tidak kita terpaksa memandang kepada tawarikh ataupun latar-belakang Undang-undang ini.

Sebagaimana saya katakan tadi, Lapuran Suruhanjaya Di Raja telah dikemukakan. Lapuran Suruhanjaya Di Raja ada membuat beberapa peruntukan yang mana peruntukan itu tidak menyenangkan hati sebahagian golongan rakyat Malaysia ini, khususnya orang-orang Islam. Saya suka memetik apa yang dikatakan di dalam Lapuran Suruhanjaya ini iaitu berkenaan dengan Fasal 3 Rang Undang-undang yang hendak dikemukakan, yang berbunyi (malangnya Lapuran ini dalam bahasa Inggeris, saya terpaksa menyebutkannya dalam bahasa Inggeris) fasal 3 (1) berkenaan dengan application menyebutkan:

“3. (1) Save as is otherwise expressly provided this Act shall apply to all persons in Malaysia and to all persons

domiciled in Malaysia who are resident outside Malaysia except Muslims.”

Kalau kita pandang kepada Fasal 3 (1) itu barangkali tidak ada siapa yang bangkang, tetapi kalau kita pandang pula kepada fasal kecil yang berikutan inilah yang menimbulkan kesangsian sebahagian daripada rakyat Malaysia. Fasal (2) kecil menyebutkan:

“(2) This Act shall not apply to any person who is married under Muslim law—

Provided that any person, being originally a non-Muslim, to whom the provisions of sections 5, 6, 7 and 8 of this Act apply, shall continue, notwithstanding the conversion of such person to Islam, to be subject to all the provisions of this Act.”

Sub-section kecil atau fasal kecil (3) menyebutkan:

“(3) This Act shall not apply to any native of the Borneo States or aborigine of the Malay Peninsula.”

Ini serupa juga yang terkandung dalam Rang Undang-undang baru ini.

Fasal kecil (4) serupa juga dengan apa yang terkandung di dalam fasal baru Rang Undang-undang yang dikemukakan sekarang ini. Jadi yang telah menjadi tanda tanya ialah samada fasal kecil (2) bagi fasal 3 di dalam Lapuran Suruhanjaya itu patut atau sah disisi Perlembagaan kita, samada fasal kecil itu menentang hak orang Islam. Boleh jadi itu juga sebabnya yang membawa Kerajaan melantik satu Jawatankuasa Pilihan Bersama untuk mengkajikan dengan sedalam-dalamnya samada peruntukan yang dibuat oleh Suruhanjaya Di Raja itu tidak bertentang dengan Perlembagaan.

Kalau kita teliti Lapuran Suruhanjaya itu mereka sendiri ada membuat alasan dan mereka sendiri berpendapat ini tidak bertentang dengan Perlembagaan. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya baca sedikit alasan yang dibuat, saya cuma sebut perenggan-perenggan yang tertentu sahaja yang berkaitan dengan ini kerana perkara ini sudah ditimbulkan di sini. Ini pendapat Suruhanjaya Di Raja itu, saya petik:

“Both the proviso to sub-clause (2) of Clause 3, and the provisions of Clause 101, of the Bill have been drafted so as not to raise any conflict with the provisions of the Constitution relating to the Muslim

religion. We are of the opinion that, so long as converts to Islam and citizens born in the Islamic faith are not compelled to do anything at all contrary to the Holy Quran, reforms introduced into the municipal law are in no way invalid. The State is not debarred from regulating marriage and divorce in the interests of all its citizens and for their general welfare. Indeed, in many States in the Muslim world, measures have been taken which are restrictive of the wide personal liberty enjoyed by men under Islamic law by imposing certain obligations which formerly were non-existent but in no way contrary to that law."

Inilah pendapat (opinion) ataupun alasan yang diberi oleh Suruhanjaya Di Raja. Nampaknya, pendapat Suruhanjaya Di Raja itu tidak diterima oleh Kerajaan dan kalau kita teliti pula Rang Undang-undang yang dikemukakan pada tahun 1972 peruntukan di bawah seksyen 3 (2) itu tidak timbul. Kerajaan sendiri telah mengambil inisiatif mengatangkan itu sudah bertentangan dengan Perlembagaan, saya sangka itu pendirian Kerajaan kerana saya tidak nampak di dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan pada tahun 1972. Jadi, bila Jawatankuasa Pilihan Bersama Dewan Negara dan Dewan Rakyat dilantik, maka Jawatankuasa itu meneliti juga peruntukan yang dibuat. Jawatankuasa itu telah memanggil orang ramai supaya memberi keterangan-keterangan ataupun apa juga pandangan mereka terhadap Rang Undang-undang yang telah dibentangkan pada tahun 1972 itu. Sebenarnya, satu laporan Jawatankuasa Pilihan Bersama ini telahpun dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebelumnya Parlimen ataupun Dewan ini ditangguhkan pada pertengahan tahun 1974, dan saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan ataupun boleh jadi ke semua Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun meneliti laporan yang telah dibentangkan di sini.

Jika kita tenguk dalam laporan ini, kita nampak bahawa ada orang-orang yang menyatakan persetujuannya dan juga ada orang-orang yang menyatakan tidak ber-setujunya dalam beberapa perenggan di dalam Rang Undang-undang itu. Jadi, saya rasa tidak perlulah saya pergi satu-persatu terhadap itu, tetapi cuma saya hendak sebutkan di sini ialah satu perkara iaitu ada

bangkangan yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia yang beralamat di Jabatan Perdana Menteri. Suratnya yang bertarikh 20hb September, 1972 yang ditandatangani oleh Setiausaha Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia itu, iaitu, Datuk Haji Ismail bin Panjang Aris. Dengan pendeknya surat itu menyatakan bangkangannya kepada Fasal 3 (2) yang saya sebutkan tadi. Kalau saya boleh petik daripada memorandamnya cuma berkenaan dengan perkara itu. Memorandam daripada Setiausaha Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia tersebut demikian:

"Oleh kerana syor-syor yang disebutkan di atas itu melanggar undang-undang Islam adalah disyorkan seperti berikut—

(a) Fasal 3 (a) hendak dikeluarkan dan digantikan dengan—

"3. (2) Akta ini tidak dikenakan kepada seorang Islam dan perkahwinan tidak boleh diadakan atau didaftarkan di bawah Akta ini jikalau mana pihak yang hendak berkahwin itu menganut ugama Islam".

"3. (2) This Act shall not apply to Muslims and no marriage one of the parties to which professes the religion of Islam shall be solemnised or registered under this Act".

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang kepada Rang Undang-undang yang ada dibentangkan di hadapan kita, kita dapati Fasal 3 (3) yang baru ada disebutkan:

"3. (3) Akta ini tidak boleh dipakai bagi orang Islam atau bagi seseorang yang berkahwin di bawah Hukum Syarak; dan tiada sesuatu perkahwinan boleh diupacarakan atau didaftarkan di bawah Akta ini jika salah seorang daripada pihak-pihak kepada perkahwinan itu menganuti ugama Islam."

Jadi, di sinilah, Tuan Yang di-Pertua, satu perubahan yang besar yang dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan Bersama Dewan Negara dan Dewan Rakyat supaya kedudukan berkenaan dengan hak orang Islam tidak terjejas.

Satu lagi perkara yang timbul berkaitan dengan orang-orang Islam ataupun ada kaitannya yang telah dibangkitkan di Dewan

ini beberapa kali oleh sahabat-sahabat saya ialah berkenaan dengan Fasal 51—Pembubaran kerana masuk Islam.

“51. (1) Jika satu pihak kepada sesuatu perkahwinan telah masuk Islam, pihak yang satu lagi itu yang tidak masuk Islam boleh mempetisyen untuk perceraian:

Dengan syarat bahawa tiada sesuatu petisyen di bawah seksyen ini boleh diserahkan sebelum tamat tempoh tiga bulan dari tarikh masuk Islam itu.

(2) Seksyen-seksyen 50 dan 55 tidak dipakai bagi sesuatu petisyen untuk perceraian di bawah seksyen ini.”

Sebenarnya, Fasal 51 ini pada pendapat saya adalah untuk memberi keadilan kepada orang yang bukan Islam. Sekiranya peruntukan ini tidak ada bahawa ada orang-orang yang bukan Islam yang mungkin teraniaya. Jadi, memandangkan kepada keadilan kepada mereka, maka rasa saya inilah sebabnya peruntukan dibuat di bawah Fasal 51. Ini tidak menjejaskan hak orang Islam tetapi sebaliknya membantu kepada orang-orang yang bukan Islam. Inilah semalam pada permulaannya saya berkata, Tuan Yang di-Pertua, inilah sesuatunya undang-undang yang dikemukakan di Parlimen kita yang sungguh mencerminkan keharmonian rakyat kita. Kita bertolak-ansur dan kita mengkajikan yang Malaysia ini diduduki bukan sahaja oleh satu agama tetapi beberapa agama. Bukannya satu kaum tetapi beberapa kaum dan Undang-undang yang kita buat ini mengkaji kedudukan mereka, mengkaji kedudukan orang Islam, mengkaji kedudukan orang yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi perkara yang besar yang juga telah dikaji oleh Jawatankuasa Pilihan Bersama ialah berkenaan dengan kedudukan rakyat Malaysia yang bukan Islam termasuk mereka yang menganut berbagai-bagai agama, baik agama Kristian, agama Buddha, agama Hindu dan apa-apa agama juga kerana Rang Undang-undang ini bukan untuk orang Islam, tetapi untuk orang bukan Islam.

Kalau kita pandang kepada Laporan Suruhanjaya Diraja di atas Rang Undang-undang yang mereka kemukakan itu, nampaknya Rang Undang-undang yang mereka kemukakan itu berat sebelah. Mereka mengkaji cuma dari segi satu agama sahaja iaitu agama Kristian. Mereka tidak mengkaji

dari segi agama Hindu, tidak mengkaji dari segi agama Buddha dan agama-agama yang lain. Di sini Jawatankuasa Pilihan Bersama telah mengkaji dan telah mendengar pendapat-pendapat orang Hindu, pendapat-pendapat orang Buddha selain daripada pendapat-pendapat orang Kristian. Dan itulah sebabnya jikalau kita tengok perubahan telah dibuat berkenaan dengan cara-cara untuk berkahwin. Kalau kita lihat peruntukan yang mula dibuat oleh Suruhanjaya Diraja ataupun di dalam Rang Undang-undang yang dibukukan pada tahun 1972 itu kita dapati ini cuma berat sebelah kepada orang-orang yang menganuti agama Kristian. Tetapi dengan Undang-undang baru yang dikemukakan sekarang ini, kita telah membuat peruntukan supaya perkahwinan boleh dijalankan di kuil-kuil orang Hindu, di gereja-gereja orang Kristian dan juga kalau orang-orang Buddha kita buat peruntukan yang mana ketua-ketua mereka boleh dianggapkan sebagai Penolong Pendaftar Perkahwinan. Ini menyenangkan rakyat kita. Kita membuat peruntukan ini setelah mendengar buah fikiran yang dikemukakan oleh rakyat jelata yang memberi keterangan kepada Jawatankuasa Pilihan Bersama di merata tempat di negara ini baik di Malaysia Barat mahupun di Sabah dan Sarawak.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit apakah peruntukan-peruntukan yang penting yang telah disediakan di dalam Rang Undang-undang ini. Peruntukan yang penting yang telah disediakan ialah:

- (1) Kepada siapa Undang-undang ini dikenakan.
- (2) Berkenaan dengan perkahwinan, cara kita kahwin, macammana hendak didaftarkan dan siapa yang sah kahwin.
- (3) Berkenaan dengan perceraian. Bagaimana sesuatu perkahwinan itu boleh dipisahkan.
- (4) Perkara berkenaan dengan perceraian dan pemberian harta selepas bercerai.
- (5) Satu lagi perkara yang besar ialah berkenaan dengan perlindungan bagi anak-anak.

Rang Undang-undang ini nampaknya telah mengumpulkan ke semua lima perkara yang besar-besar tadi ke dalam satu sahaja Rang

Undang-undang. Kalau kita tengok Undang-undang yang ada sekarang ini kita terpaksa mencari lima jenis undang-undang. Umpamanya:

Ordinan Perkahwinan Civil No. 44/1952 yang telah dibuat semasa kita belum lagi merdeka.

Ordinan Pendaftaran Perkahwinan No. 53/1952.

Ordinan Penceraian No. 74/1952.

Ordinan Perkahwinan Keristian No. 33/1936 dan

Akta Kesahtarafan 1961 (Legitimacy Act, 1961).

Kalau dari segi kahwin sahaja terpaksa kita melihat tiga atau empat undang-undang. Satu undang-undang untuk orang Keristian, satu undang-undang untuk orang yang bukan Keristian tetapi yang sanggup menerima seorang sahaja isteri. Kalau orang yang hendak menerima lebih daripada dua isteri umpamanya mereka hendak berkahwin mengikut adat, mereka boleh juga berbuat demikian tidak ada halangan setakat itu. Dan sekarang dengan adanya Rang Undang-undang baru ini apa yang akan berlaku ialah orang-orang yang bukan Islam hanya boleh mempunyai seorang isteri sahaja. Perkara ini telah ditimbulkan semalam oleh ramai sahabat-sahabat saya di sini kenapa dibenarkan satu sahaja. Kalau memandangkan pendirian saya sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Pilihan Bersama maka saya dapati lebih ramai orang yang bersetuju supaya monogami itu diadakan. Ini bukannya soal saya suka atau tidak, Tuan Yang di-Pertua, soalnya apakah pendapat orang ramai, orang-orang yang bukan Islam terhadap perkara ini. Suruhanjaya Pilihan Bersama Diraja telah mendapati seperti di dalam laporannya bahawa ramai orang yang setuju mengekalkan sistem monogami daripada sistem poligami. Jawatankuasa Pilihan Bersama pun berpendapat bahawa ramai yang datang tampil ke hadapan Jawatankuasa itu mengatakan sistem monogami ini patut dikekalkan dan tidaklah patut kita adakan sistem poligami.

Kalau kita ambil pandangan majority sudah tentu ramai rakyat kita yang bukan Islam akan bersetuju sistem monogami ini dikekalkan. Saya sedar ada beberapa orang yang menulis kepada Suruhanjaya Diraja dan juga Jawatankuasa Pilihan Bersama menyatakan patut sistem poligami ini di-

kekalkan. Saya sungguh-sungguh berharap mereka itu tampil ke hadapan supaya Jawatankuasa itu mengetahui kenapa mereka berkata begitu. Tetapi nampaknya tidak seorang pun berani tampil ke hadapan menyatakan sistem poligami itu patut dikekalkan. Sebaliknya, ramai orang mengatakan sistem monogami ini patut dikekalkan. Jadi berdasarkan pada itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terpaksa kita membuat peraturan memenuhi kehendak ramai. Saya tidak mengatakan samada itu baik atau tidak, saya cuma mengatakan apa-apa juga pandangan yang patut kita perhatikan hendaklah berdasarkan kepada kehendak orang-orang yang bukan Islam.

Berkenaan dengan peruntukan di bawah perkahwinan seperti saya katakan tadi, sekarang ini mengikut peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang baru ini maka jelaslah bahawa mereka yang beragama Hindu Keristian dan Buddha atau yang tidak beragama sekalipun boleh memilih cara mereka hendak berkahwin, samada mereka berkahwin di Pejabat Pendaftar Perkahwinan ataupun mereka hendak berkahwin di kuil-kuil atau di gereja-gereja mereka-peruntukan itu ada. Saya sendiri sanggup mengaku bahawa peruntukan yang baru ini ada lebih baik daripada peruntukan yang disediakan dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan pada tahun 1972 itu, kerana ini telah mengkaji kedudukan rakyat yang berbilang bangsa, dan yang berbilang ugama yang ada di negara kita.

Sebelum saya pergi ke bidang yang lain berkenaan dengan penceraian, saya suka memberi satu pandangan terhadap kecuialian yang dibuat tadi, iaitu undang-undang ini tidak dipakai kepada orang Islam dan tidak dipakai kepada bumiputra di Sabah dan Sarawak, juga tidak dipakai kepada Orang-orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Dari segi undang-undang berkaitan dengan bumiputra di Malaysia Timur, Parlimen kita tidak berkuasa untuk membuat undang-undang itu kerana itu adalah kuasa negeri. Tetapi yang menjadi masalah ialah mungkin pada satu masa kedudukan orang-orang bumiputra di sana yang telah menganuti ugama-ugama yang tertentu, umpamanya ugama Kristian. Ini sudah menjadi tandanya semasa Jawatankuasa Pilihan Bersama itu berada di Sarawak, bagaimanakah

kedudukan orang-orang bumiputra di Sarawak, umpamanya orang Dayak di Sarawak yang telah menganuti agama Kristian. Bila saya pandang kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang ini pada diri saya sendiri tidak begitu terang, kerana mereka boleh pilih, kalau mereka telah memeluk agama Kristian, mereka mungkin mengatakan bahawa mereka tidak lagi menjadi bumiputra, tetapi sebaliknya mereka boleh juga mengatakan mereka tetap seorang bumiputra di Sarawak. Ini satu masalah yang agak rumit sedikit dan saya tidak tahu samada Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang akan membuat pandangan terhadap perkara itu, kerana semasa kami berada di Sarawak, kami telah mendengar fikiran atau pendapat rakyat bumiputra di Sarawak. Perkara ini telah ditimbulkan, dan saya sanggup mengakui di sini bahawa saya tidak tahu apa jawapannya. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang ada jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan peruntukan berhubung dengan penceraian. Peruntukan penceraian yang dibuat di dalam Rang Undang-undang yang baru ini bolehlah dikatakan peruntukan yang agak moden dari segi pemikirannya. Ini dari segi orang-orang yang bukan Islam, kerana kalau kita lihat Ordinan Penceraian, 1952 (Divorce Ordinance, 1952), kita dapati beberapa kesusahan sekiranya seseorang itu hendak mendapatkan penceraian kerana perkara ini adalah di tangan Mahkamah Tinggi. Satu rayuan (petition) terpaksa dibawa ke Mahkamah Tinggi dan alasan-alasannya sangatlah ketat seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang semasa dia membentangkan Rang Undang-undang ini. Di sini nampaknya kita telah mengikut peraliran zaman dan telah sedar bahawa jikalau sesuatu pasangan itu tidak boleh kekal hidup bersama maka patutlah dia dibenarkan bercerai.

Peruntukan yang dibuat berkenaan dengan penceraian berdasarkan pembubaran dengan persetujuan bersama ataupun dalam bahasa Inggeris "dissolution by mutual consent" ini boleh dianggapkan satu peruntukan yang agak moden bukan sahaja di negeri kita, tetapi banyak juga negeri-negeri di Eropah dan Amerika Syarikat. Kalau dalam masa

5—6 tahun dahulu negara-negara itu pun memerlukan satu-satu alasan yang agak ketat sebelum penceraian dibenarkan. Di sini nampaknya kita telah mengikut peraliran zaman dan mengakui jikalau sepasang suami isteri itu tidak boleh hidup bersama setelah mereka berkahwin sekurang-kurangnya dua tahun, pada mulanya tiga tahun tetapi telah dipinda kepada dua tahun, maka mereka bolehlah membuat petition supaya perkahwinan itu dibubarkan. Juga peruntukan di bawah Fasal 54 mengatakan berkenaan dengan bukti mengenai pemecahbelahan ataupun proof of break down, inipun telah disenangkan sedikit supaya membolehkan mahkamah memberi ataupun memutuskan penceraian itu. Tetapi ada peruntukan yang lain yang mana sebelum seseorang itu dibenarkan bercerai maka mereka digalakkan pergi ke badan yang bergelar Badan Penyelesaian ataupun Badan Pendamai seperti yang disebut di bawah Fasal 106 Rang Undang-undang ini, dan Badan Pendamai ini akan cuba mencari jalan bagaimana hendak menyatukan semula kalau boleh suami isteri yang hendak bercerai tadi. Di sinilah saya minta pihak Kerajaan setelah Rang Undang-undang ini menjadi undang-undang dan dikuatkuasakan, memandang berat sedikit dengan perlantikan Badan-badan Pendamai ini. Jikalau Badan-badan Pendamai ini boleh mententeramkan sesuatu keluarga yang sudah hampir berpecah belah dan sekiranya mereka dapat memperbaiki kedudukan keluarga itu, saya ingat ada baik dan ada menafaatnya. Kalau dapat biarlah Badan-badan Sukarela mengambil berat sedikit berkenaan dengan tugas-tugas ini. Janganlah kita harapkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan sahaja. Kita patut bebaskan sedikit kepada ketua-ketua kaum, orang-orang kenamaan di dalam kawasan itu kerana mereka boleh memberi sumbangan untuk menyatukan balik keluarga yang hendak berpecah itu. Ini rasa saya adalah satu peruntukan yang amat baik di dalam Rang Undang-undang ini.

Satu lagi perkara yang saya suka hendak sentuh ialah berkenaan dengan pemberian harta setelah bercerai. Ini satu peruntukan yang amat baik kerana kalau kita pandang kepada practice yang berjalan sekarang ini, kita tidak dapat tidak akan tahu bahawa ramai mereka yang telah bercerai tidak berpuas hati kerana ada kalanya isterinya tidak dapat apapun. Tetapi dengan adanya

peruntukan yang baru ini maka Mahkamah sendiri tidak boleh lari jauh daripada garis-garis yang ditunjukkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Di sini ada disebutkan, kalau boleh bagilah bersama, maknanya harta itu dibagikan dua—sama rata, kalau boleh. Jadi terpaksa dia mengkaji sumbangan isterinya atau suaminya terhadap perkumpulan harta yang telah diperolehi semasa mereka berkahwin. Ini rasa saya adalah satu peruntukan yang sangat baik.

Satu lagi perkara yang ada dalam undang-undang baru kita ini ialah berkenaan dengan perlindungan bagi anak-anak iaitu sekiranya perceraian telah berlaku ke manakah atau siapakah akan diberi tugas menjaga anak-anak itu? Ini juga saya rasa satu peruntukan yang telah diperbaiki kalau kita bandingkan dengan peruntukan yang ada dalam undang-undang yang sedia ada sekarang ini. Peruntukan juga dibuat yang mana Mahkamah boleh menghukum samada ibu atau bapa kanak-kanak itu supaya memberi nafkah kepada mereka. Kalau kita pandang kepada undang-undang yang ada sekarang ini kita terpaksa menengok beberapa undang-undang lain. Tetapi sekarang ini disatukan di bawah satu undang-undang dan itu rasa saya sudah tentu akan menyenangkan pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam ada sahabat-sahabat saya yang menegur beberapa perkara berkenaan dengan Rang Undang-undang ini dan seperti saya kata pada awal tadi ini bukanlah tugas saya untuk menjawabnya, tetapi bagi tugas Timbalan Menteri menjawabnya, tetapi ada beberapa perkara yang telah diperuntukkan di dalam Perlembagaan ini dan jikalau saya sebutkan rasa saya tidaklah keterlaluan kerana ini berkaitan juga dengan beberapa perkara yang telah ditimbulkan semasa Jawatan-kuasa Pilihan Bersama itu bersidang. Ada sahabat saya yang mengatakan apakah akan terjadi kepada mereka yang telah berkahwin mengikut adat-resam mereka setakat ini. Umpamanya seseorang taukeh yang mempunyai 3 atau 4 isteri yang mereka berkahwin mengikut adat-resam mereka. Peruntukan di sini telah jelas mengatakan isteri-isteri mereka yang ada sekarang ini masih sah menjadi isteri mereka dan anak-anak yang didapati melalui isteri-isteri itu ataupun gundek-gundek itu adalah sah. Rasa

saya ini sudah amat jelas di dalam Rang Undang-undang ini. Jadi apa yang Rang Undang-undang ini mengatakan ialah selepas daripada kuatkuasanya Rang Undang-undang ini maka tidak bolehlah mereka itu berkahwin atau mempunyai isteri lebih daripada satu pada satu ketika. Maka untuk mengelakkan salah faham, saya rasa eloklah saya terangkan pengertian saya bahawa mereka yang telah berkahwin dan mempunyai isteri-isteri kedua, ketiga dan keempat, maka isteri-isteri itu adalah sah dari segi undang-undang dan anak-anak mereka disahkan dari segi undang-undang dan harta pusaka yang patut diterimanya pun sah juga di sisi undang-undang.

Ada juga sahabat-sahabat saya mengatakan apakah akan terjadi kepada mereka yang menyimpan gundek-gundek tetapi tidak berkahwin samada mengikut adat-resam mereka atau tidak. Bagi mereka yang menyimpan gundek dan mempunyai anak, saya tidak percaya yang si gundek itu kalau si lelaki itu tidak memberi nafkah hidup pada anak-anaknya, umpamanya anak kepada gundek-gundek itu, saya tidak percaya yang si gundek ini tidak akan membawa tuntutan kepada Mahkamah. Tetapi apa yang berlaku ialah jikalau si lelaki itu menerima anak itu sebagai anaknya dan memberi nafkah, soalan itu tidak timbul. Soalan itu hanya timbul jikalau si lelaki itu tidak memberi sara nafkah ataupun tidak mengakui yang anak itu anaknya. Saya percaya kalau perkara itu berlaku semacam itu sudah tentu tuntutan dibuat ke Mahkamah kepada si lelaki itu mengatakan yang ialah bapa kepada anak tadi dan mahkamah boleh memberi perintah supaya anak itu disarakan—diberi nafkah. Kita selalu telah mendengar beberapa kali tuntutan dibuat di mahkamah, tuntutan yang digelar paternity suit yang mana seseorang lelaki itu tidak mengaku yang anak itu anak dia dan tuntutan telah dibawa dan kita selalu mendengar juga yang mana Mahkamah telah mendengar kes-kes semacam itu dan telah memberi perintah supaya anak-anak itu diberi nafkah oleh bapanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah lagi hendak mengambil masa yang panjang kerana perbincangan terhadap Rang Undang-undang ini nampaknya telah disokong oleh ramai bukan sahaja daripada orang-orang yang bukan Islam tetapi juga daripada orang-orang Islam dan saya percaya Yang

Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang akan menjawab apa-apa teguran yang telah dikemukakan di sini termasuk juga pertanyaan yang saya kemukakan; dan sebelum saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya suka menyatakan bahawa Rang Undang-undang semacam ini ialah satu Rang Undang-undang social legislation yang amat penting bukannya dari segi intisarinya sahaja tetapi juga daripada keharmonian rakyat kita, dari segi pandangan identity Malaysia kita yang mana soal tolakan-salur, saling mengerti ada wujud, dan undang-undang semacam inilah rasa saya apabila dibahaskan oleh rakyat yang berbilang bangsa, oleh rakyat dan juga bukan rakyat, orang-orang yang bermastautin di negeri ini yang berbilang agama yang mana pada akhirnya semuanya bersetuju dan menyokong. Inilah suatu undang-undang yang sangat membanggakan kita.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

#### 4.10 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Dalam memberi sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini suka saya memberi sedikit-sebanyak pandangan saya kepada beberapa masaalah dasar ataupun perkara-perkara yang berbangkit daripada usaha Kerajaan untuk merangkakan Undang-undang ini. Saya bersetuju dengan rakan saya Senator Kamarul Ariffin yang menyatakan bahawa apabila kita hendak membahaskan satu Rang Undang-undang itu kita patut tahu latarbelakang undang-undang ini. Maka kita telah mendengar latarbelakang yang telah dihuraikan oleh Senator Kamarul Ariffin itu.

Pada saya latarbelakang yang utama yang patut kita kaji ialah siapa yang mengaturkan undang-undang ini dan bagaimana caranya undang-undang itu diatur dan disusun. Pada saya sudah menjadi tradisi Kerajaan kita. Barangkali kerana kita ini satu Kerajaan yang asalnya dijajah oleh Inggeris dan sekarang kita telah merdeka, maka pegawai-pegawai pemerintah kita ialah daripada mereka yang dilatih dan yang menerima pelajaran daripada England umpamanya,

maka pelajaran-pelajaran itulah yang membawakan kita mengaturkan undang-undang ini. Sebab itulah kita tengok apabila kita hendak buat satu undang-undang, maka biasanya undang-undang itu disusun oleh satu pakar ataupun pakar-pakar yang menyusun undang-undang untuk dibawakan kepada Parlimen ini dan pakar-pakar ini ialah ahli undang-undang yang belajar di England yang cuma tahu undang-undang Inggeris sahaja ataupun yang tahu undang-undang yang berkaitan dengan undang-undang yang berasas kepada undang-undang Inggeris. Kalau hendak dirujuk pun mereka ini belajar sedikit-sebanyak undang-undang India umpamanya, ataupun undang-undang negara lain. Sebab kalau kita perhatikan Rang Undang-undang ini rujukan-rujukan itu diasaskan kepada rujukan Undang-undang di England, undang-undang di India dan semuanya itu datangnya daripada undang-undang Inggeris, dan undang-undang Inggeris ini ialah undang-undang yang asalnya barangkali daripada Kristian dan bukan daripada Islam. Tidak ada antara pakar-pakar kita di Jabatan Undang-undang kita ini yang tahu undang-undang Islam dengan sebenarnya, sebab itulah mereka ini cuma mengatur undang-undang berasas kepada apa yang ada. Pada halnya kita telah merdeka. Negara kita ini mempunyai dua kaum yang terbesar yang menganut agama berlainan. Sejumlah besar rakyat kita menganut agama Islam dan sejumlah besar daripada rakyat kita menganut agama Kristian dan Buddhist. Kita masukkan dalam Perlembagaan kita agama Islam sebagai agama negara dan sehingga kita adakan peraturan-peraturan yang menunjukkan bahawa negara kita ini termasuk dalam lingkungan negara-negara Islam. Apabila kita keluar daripada negara kita ini dan pergi ke dunia luar, masuk ke dalam kumpulan negara Islam, maka bertakallah mereka dari negara Islam. "Ini negara Islam". Malaysia ini sebuah negara Islam. Jadi, imej kita di luar negeri sebagai sebuah negara Islam, tetapi di dalam negara kita ini belum lagi kita sesuaikan dengan imej yang kita ada. Jadi, saya rasa perlu Menteri Undang-undang atau mulai daripada sekarang mencari pakar-pakar undang-undang daripada alim-ulama kita supaya duduk bekerja di dalam Kementerian Undang-undang menjadi ahli-ahli yang akan menderaf atau merangka undang-undang negara kita ini supaya mereka ini boleh

bertukar-tukar fikiran dengan pakar-pakar yang dilatih di Barat itu dengan pakar-pakar yang dilatih di bawah undang-undang Islam. Kita bukan kurang pakar-pakar yang tahu dalam agama Islam. Kita mempunyai orang-orang yang mahir dalam undang-undang Islam. Saya hendak tunjukkan satu. Kita mempunyai seorang professor di Universiti Malaysia yang professor dalam bahagian agama Islam dan tahu hal ehwal agama Islam iaitu Professor Ahmad Ibrahim, kalau tidak salah saya. Beliau ahli dalam undang-undang Islam. Ini bermakna kita mempunyai orang untuk memberi pandangan dari segi undang-undang Islam dalam sesuatu undang-undang Islam yang diatur di dalam negara kita ini.

Seperkara lagi seperti yang disebutkan oleh Senator Kamarul Ariffin tadi bahawa bila kita adakan Suruhanjaya Di Raja sudah menjadi tradisi kita orang yang akan menjadi anggota Suruhanjaya Di Raja itu ialah Hakim iaitu Hakim Besar. Umpamanya, Undang-undang ini dipengerusikan oleh Hakim Besar H. T. Ong. Beliau menjadi pengerusi Suruhanjaya Di Raja dalam mengatur Undang-undang ini dan ahli-ahli Suruhanjaya Di Raja itu tidak seorang pun ahli undang-undang Islam yang dilantikkan di dalam Suruhanjaya Di Raja itu. Itulah sebabnya maka Suruhanjaya Di Raja itu mengaturkan laporannya yang bertentangan sama sekali, yang menyentuh hal ehwal agama Islam mengenai undang-undang ini. Inilah akibatnya daripada kita sentiasa mengikut tradisi penjajah. Kita belum lagi mengubahkan. Apa salahnya kalau kita panggil seorang professor ataupun seorang ahli undang-undang dalam hal ehwal agama Islam. Lantik dia menjadi ahli Suruhanjaya dan masukkan beberapa orang lagi menjadi ahli untuk menyusun satu laporan yang boleh memberi gambaran bagaimana dapat kita menyesuaikan undang-undang negara kita ini dengan agama-ugama yang ada ini. Sebab setahu saya barangkali kalau orang mengkaji agama Islam dan belajar dalam ilmu Islam; ilmu Islam ini boleh diatur, undang-undang Islam boleh diatur, sesuai bukan sahaja untuk orang Islam, sesuai untuk semua penganut-penganut agama yang ada dalam dunia ini. Ini silap faham. Sebab apabila kita bercakap dalam undang-undang semua orang fikir undang-undang ini Inggeris sahaja di depan. Itu sahaja yang mereka ingat. Maknanya Islam itu agama bukan agama me-

merintah pada fahaman manusia-manusia yang ada di dalam negara kita ini. Sedikit sangat bilangan yang memikirkan agama Islam itu adalah agama memerintah. Undang-undang Islam itu sesuai dengan semua masa dan semua orang. Oleh kerana itu sebabnya yang menjadi kita terpaksa mengambil masa bertahun-tahun hendak menyusun satu Undang-undang Nikah-cerai yang seumpama ini, kerana kita sudah confused. Tidak tahu ke mana hendak pergi. Kalau kita ada pakar-pakar ini tidak payah kita confuse. Ini menyentuh Islam, ini menyentuh Kristian, ini menyentuh Buddhist, ini menyentuh itu dan sebagainya.

Kalau kita mempunyai orang yang ahli dalam agama Islam mereka terang-terang boleh memberikan kepada Suruhanjaya Di Raja. Ini pandangan Islam dari segi nikah-cerai, dari segi pembahagian pesaka, dari segi kuat-kuasa isteri, suami dan cara hendak bercerai, cerai-berai ada di dalamnya. Cuma kita sahaja tidak belajar dan tidak tahu. Kalau semua orang belajar semua orang tahu. Jadi, apa yang ada dalam negara kita ini ialah pada segi Islam yang kita cuma berusaha menubuhkan yayasan dakwah, memberitahu orang suruh sembahyang, memberitahu orang ini waktu telah 4.30 petang kena tangguh dan pergi sembahyang. Itu sahaja. Dakwah sahaja. Pada halnya Islam bukan terhad pada dakwah, Islam ialah agama yang boleh disesuaikan untuk memerintah. Kenapa tidak kita tinggikan sedikit? Kita adakan pakar-pakar agama dalam Kementerian Undang-undang dan Jabatan Peguam Negara.

Kalau tidak dapat, kita hantar orang pergi belajar, latih dia biar dia tahu undang-undang Inggeris dan tahu undang-undang Islam, kemudian dia boleh menentukan mana yang baik dan mana yang tak baik untuk dipergunakan dalam negara kita ini. Saya fikir ada baiknya kalau pada masa akan datang satu-satu undang-undang yang mengenai masyarakat, sebagaimana Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin kata, Undang-undang Nikah-Kahwin ini bukanlah masalah orang-orang bukan Islam sahaja, tetapi ini satu undang-undang untuk masyarakat yang menyentuh semua golongan manusia, menyentuh kepada semua agama yang ada dan yang menyentuh sosial negara kita ini. Jadi, undang-undang seumpama ini perlu kepada pertimbangan yang baik. Apa salahnya kalau Menteri Undang-undang kita

semasa mengadakan Suruhanjaya Di Raja seperti ini dipanggil Mufti Negeri Selangor, Mufti Johor atau mana-mana Mufti. Kita ada banyak Mufti yang alim; tanya Mufti yang paling alim dalam hal nikah-kahwin, dan lantik menjadi Pengerusi Suruhanjaya Di Raja itu. Hakim—diantik menjadi ahli dan kalau perlu panggil sama pakar agama Buddhist, maka runding dan bahaskan, mana yang baik diambil barulah tidak susah undang-undang ini dibawa ke Parlimen dan mengadakan Joint Select Committee, mesti dikelam-kabutkan, mana yang tidak baik dipotong dan ditanya kepada orang ramai. Orang ramai kalau ditanya banyakkah yang datang untuk beritahu mengikut kepentingan mereka, bukan kepentingan undang-undang.

Kalau ramai yang datang seperti kata Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, ramai yang berani ke depan memberitahu atau membantah jangan benarkan nikah lebih daripada satu, barangkali yang ramai memberi pandangan itu golongan perempuan atau kaum ibu yang berani ke dapan. Kata mereka: "Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Di Raja, jangan benarkan suami nikah lebih daripada satu. Satu cukuplah." Sebabnya kepentingannya tersentuh, sifat kecemburuannya, perasaannya tersentuh, bukan berdasarkan undang-undang. Itu nafsu manusia, bukan undang-undang. Mereka mahu monogami, pada halnya ini perkara boleh dibincangkan. Barangkali saya tidak boleh kemukakan untuk mendapatkan kebenaran mengadakan satu undang-undang boleh kahwin empat, kerana saya malu, kalau saya pergi, apabila saya balik orang tahu dan isteri saya di rumah akan hentam saya, kerana saya berani ke depan beritahu benarkan beristeri empat. Boleh jadi ada orang takut cara begitu, kerana perasaan dirinya itu.

Manusia ini kebanyakannya takut hendak keluaran hasratnya, dia bermuka-muka apa yang sebenarnya ada dalam hatinya. Jadi, kita tak boleh timbangkan undang-undang dari segi nafsu manusia, kita mesti menimbang undang-undang dari segi undang-undang, dari segi keadilan, dari segi bagaimana keadilan itu dapat kita letakkan dan di mana kita hendak rujuk undang-undang kita itu. Itulah sebab saya kata, kalau kita rujuk kepada undang-undang Islam, berpandukan Al-Quran, Hadith dan sebagainya, macam-macam keterangan yang

detil dalam apa jenis perkara pun ada di dalam kitab-kitab itu. Kalau ada pakar-pakar Islam boleh diterangkan satu-persatu. Kita tidak payah bertanya kepada orang ramai, siapa suka kahwin satu, kahwin dua kahwin tiga atau kahwin empat. Saya rasa ini perlulah mendapat perhatian dan saya suka hendak menarik perhatian Kerajaan pada masa yang akan datang usahakanlah bagi mendapatkan pakar-pakar agama Islam di dalam Jabatan-jabatan Undang-undang supaya dapat mengaturkan dan dalam Suruhanjaya seumpama ini perlu dilantik pakar undang-undang Islam menjadi Pengerusi, bukan mesti hakim, sebab itu tradisi lama Hakim jadi Pengerusi. Semua Suruhanjaya dilantik Hakim jadi pengerusi, kadang-kadang ada yang baik, ada yang tak baik, bukan Hakim boleh jadi pengerusi dengan baik setiap masa dalam satu-satu masaalah. Bukan saya katakan Hakim itu tidak adil atau tidak bijak. Dari segi kehakiman barangkali dia adil, dari segi kehakiman barangkali dia bijak, tetapi dari segi kemasyarakatan itu perkara lain. Inilah perkara yang perlu kita timbangkan.

Selain daripada itu, saya suka hendak sentuh satu-dua perkara dalam undang-undang ini. Ini adalah akibat kita tidak rujuk dalam undang-undang Islam. Dalam undang-undang ini mengatakan dalam perkara cerai, kalau sesiapa yang bercerai, kalau orang yang bukan Islam bila dia sudah tukar agama jadi Islam, lelaki tukar agama jadi Islam, dahulu dia Kristian, dia tukar jadi Islam. Bila dia tukar jadi Islam kalau ikut Undang-undang Islam, perkahwinannya telah gugur, isteri itu bukan lagi isteri dia kerana isteri itu bukan Islam, tetapi suami Islam. Bila dia tukar agama Islam, sudah gugur perkahwinannya, tetapi dalam undang-undang ini tidak gugur perkahwinannya melainkan isterinya buat petition kepada mahkamah supaya mahkamah membubarkan atau menceraikan kerana suaminya telah menganut agama Islam. Kalau isterinya petition mahkamah perintah barulah perceraian itu berlaku, tetapi kalau isterinya tidak petition, kalau isterinya kasih kepada suaminya, dia kata, "Awak Islam, Islamlah, akan cinta padamu, aku tak mahu bercerai" Dia kasih sangat tetapi untuk tukar agama tak mahu masuk Islam, tak mahu jadi Islam, tetapi hatinya kasih. Apa hendak buat? Pada segi undang-undang ini dia masih suami-isteri, tetapi

pada segi orang Islam dia sudah bukan isterinya lagi, dan dia boleh kahwin lagi satu, dia boleh kahwin orang Islam sebagai isterinya, perkahwinan baru itu di bawah undang-undang Islam. Apa jadi kepada si perempuan yang bukan Islam itu? Bolehkah dia kahwin? Dia tak boleh kahwin kerana dia ada suami, kalau kahwin jadi dua suaminya. Jadi satu perempuan dua suami tentulah tak boleh jadi dari segi undang-undang pula, tetapi saya tak tahu di bawah undang-undang yang mana, perempuan kahwin lebih dari satu (polyandry)—tentu tak boleh. Dia barangkali seorang isteri, dengan tidak ada suami kerana suaminya orang Islam. Kalau berlaku begitu. Kalau sekiranya si suami itu masuk Islam, isterinya kata, duduklah dengan saya, awak masuk Islam, masuklah awak duduklah sahaja tidurlah sahaja dengan aku." Apa hendak jadi? Apa akan jadi kalau mereka berdua itu, satu orang Islam satu orang bukan Islam duduk dalam satu rumah. Pada segi Islam dia bukan lagi suami-isteri. Apa hendak jadi kepada anaknya, sebab tidur bersama itu akan melahirkan anak. Adakah anak itu sah anak suami itu? Suami akan berkata, "Aku sudah Islam, ini bukan anak aku kerana aku sudah bercerai mengikut undang-undang agama Islam." Apa hendak jadi kepada budak itu?

Mengenai harta kepada anak lelaki dia terpaksa beri harta, anak perempuan pun dia terpaksa beri harta. Kalau sekiranya diakui anak itu sah anaknya, tetapi barangkali dari segi mahkamah, dia kata: Aku orang Islam, ini bukan anak aku, bukan anak orang Islam, aku tidak tahu." Ini perkara yang patut mendapat perhatian ataupun penerangan daripada Menteri Undang-undang kita . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.30 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.50 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa Majlis kita ditangguhkan, saya cuba hendak menerangkan

kepada Dewan ini iaitu pada fikiran saya kelemahan-kelemahan yang ada di dalam fasal Rang Undang-undang ini iaitu satu daripada kelemahannya ialah apabila seorang yang bukan Islam berkahwin kemudian dia menukar ugamanya menjadi agama Islam maka dari segi agama Islam, saya suka hendak membetulkan. Dari segi agama Islam apabila seorang itu memeluk agama Islam kalau sekiranya isteri itu seorang Kristian ataupun seorang Buddhist yang tidak mengikut Kitab Lama atau dalam bahasa Melayu "ahli kitab", maka keadaan perkahwinan itu dengan sendirinya menjadi putus kerana si suami memeluk Islam tetapi kalau perempuan Buddhist dengan sendirinya terang-terang suaminya masuk Islam maka putuslah perkahwinan itu. Bila sudah putus perkahwinan itu maka si suami itu boleh berkahwin lagi tetapi si isteri masih terikat di bawah Undang-undang ini. Ini saya kata satu daripada kelemahan yang besar daripada fasal-fasal peraturan Undang-undang ini.

Satu lagi saya suka hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang iaitu dalam Undang-undang ini tidak ada offence, hukuman denda ataupun perkara yang dikatakan salah apabila satu kelamin yang telah bercerai tetapi duduk sekali (bersekedudukan) umpamanya dalam undang-undang ini mengatakan bila dia sudah bergaduh kerana tidak bersetuju, dari segi undang-undang dia sudah bercerai. Bila sudah bercerai dia masih duduk sekali, berbaik-baik semula. Hari ini bercerai, besok duduk sekali (bersekedudukan). Dalam Undang-undang ini tidak ada hukuman ataupun kesalahan bagi orang-orang yang bersekedudukan. Ini tidak mengenai Islam, ini mengenai masyarakat yang bukan Islam yang bersekedudukan tidak salah pada segi undang-undang ini. Jadi, saya rasa inilah kelemahan Undang-undang kerana kita tengok di Amerika, di England, kalau kita pergi ke England, kita dapat dengar mereka bersekedudukan. Kalau hendak kahwin tidak boleh sebab undang-undang tidak membenarkan kahwin lebih daripada satu. Jadi, dia duduk sahaja dengan tidak berkahwin, sebab mengikut undang-undang tidak salah, tidak boleh dihukum. Kalau kita tengok di Amerika semua orang bersekedudukan, itulah sebabnya ramai anak-anak haram di Amerika, di England dan di Eropah, jadi inilah yang berlaku, keruntuhan moral yang

ada di Amerika, di England itu akan kita bawa ke Malaysia menerusi Undang-undang ini. Ini bukan menyentuh Islam tetapi menyentuh masyarakat kita. Ini keruntuhan moral dari segi masyarakat Malaysia. Ini saya kata kelemahan yang patut dikaji balik, apa patut kita lakukan atau patut dipindahkan undang-undang ini supaya dikenakan hukuman, siapa yang bersekedudukan, didenda, dipenjarakan supaya tidak ada anak haram dalam negeri kita ini. Ini perkara besar yang perlu dikaji.

Lagi satu tentang harta pesaka. Harta pesaka ini apabila orang itu bercerai harta pesaka dia tidak bagi kerana bukan anaknya lagi. Dari segi Islam, harta pesaka itu turun kepada anak masa dia berkahwin dengan cara Islam. Jadi bagaimana, dalam Undang-undang ini barangkali tidak ada disebutkan, yang anak masa dia berkahwin belum masuk Islam. Bila sudah bercerai dia ada anak tanggungannya, hak Islamnya. Bila dia tukar agama barangkali anak itu duduk dengan isteri yang bukan Islam, jadi anak itu barangkali turut dengan isteri yang bukan Islam. Adakah anak ini kita anak bukan Islam yang mesti ditanggung oleh isteri dan tidak ditanggung oleh suami. Dalam undang-undang ini saya fikir tidak ada peruntukan. Ini satu fasal yang boleh menganiayakan kehidupan anak itu. Sebab kalau sekiranya ibunya hendak bawa ke mahkamah menyatakan suaminya tidak menanggung anak, dia kata: "Ini bukan anak saya, saya Islam, awak Buddhist. Bagaimana saya hendak tanggung melainkan awak Islam, baharu anak itu saya boleh tanggung." Jadi ini aniaya kepada si anak yang duduk bersama dengan ibunya. Inilah maknanya fasal-fasal yang saya katakan tadi lemah boleh merosakkan masyarakat kita. Kalau sekiranya kita ada pakar-pakar Undang-undang Islam dalam Jawatankuasa ini, tentulah kita boleh sesuaikan semuanya ini dari segi pandangan Islam. Dari segi pandangan Islam, benda-benda yang macam ini kita boleh sesuaikan, boleh kita beri satu pandangan keadilan yang ada pada Undang-undang Islam.

Dalam menggulung ucapan saya secara ringkas ini:

- (1) Saya hendak meminta supaya Kerajaan apabila hendak tubuhkan suruhanjaya-suruhanjaya, ambillah pakar undang-undang Islam menjadi pengerusi

suruhanjaya itu supaya dapat disesuaikan Undang-undang Islam dengan Undang-undang yang ada pada hari ini.

- (2) Saya hendak meminta supaya Yang Berhormat Menteri Undang-undang kita mengambil ahli atau pakar Undang-undang Islam masuk bekerja dalam pejabatnya supaya dapat menjadi legal draftsman dari segi undang-undang Islam. Kalau tidak ada pakar yang sanggup bekerja maka hantarlah pakar-pakar Undang-undang yang ada daripada orang Islam yang lebih kurang tahu pergi belajar Undang-undang Islam apabila balik nanti dapat kita masukkan, sesuaikan dan selaraskan dengan Perlembagaan kita dari segi Islam, baharulah kita boleh benggakan yang kita mempunyai Perlembagaan yang bercorak Islam dan kita mempunyai sebuah negara yang hidup dalam lingkungan negara-negara Islam.

5.00 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian). Apakah sebabnya Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan ini walhal orang-orang yang bukan Islam telah menjalankan pekerjaan mereka, adat resam mereka beratus-ratus tahun bahkan beribu-ribu tahun. Adakah sangat buruk kedudukan orang-orang yang bukan Islam di Malaysia ini yang menyebabkan kita terpaksa kawal dengan mengadakan undang-undang yang semacam ini? Saya masih lagi ragu-ragu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum Undang-undang ini diluluskan.

Semalam seorang daripada Ahli Yang Berhormat berkata ini akan menarik orang-orang yang bukan Islam memeluk agama Islam. Apabila telah diluluskan Undang-undang ini kelak, adakah atau tidak setengah-setengah daripada orang-orang yang bukan Islam tidak puas hati bahkan orang-orang yang bukan Islam di seluruh dunia akan memandang kepada Rang Undang-undang ini. Pada suatu hari mereka akan membawa perkara ini ke United Nations. Saya berharap Timbalan Menteri akan menghalusi perkara ini sebelum diluluskan.

5.03 ptg.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya rasa tahun 1975 ialah Tahun Wanita Antarabangsa. Wanita-wanita di Malaysia khususnya yang beragama Keristian, Hindu, Buddhist dan Sikh sudah menang mendapatkan hak sama rata dengan lelaki. Saya ucapkan tahniah kepada semua masyarakat wanita. Tetapi saya ada beberapa perkara yang hendak saya bangkitkan supaya Menteri yang berkenaan boleh mengambil perhatian dan haraplah dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Mr President, Sir, the Deputy Minister in introducing this Bill stressed the importance of the work of the Royal Commission and the Joint Select Committee in initiating the origin of this Bill. Although I congratulate and thank the Royal Commission under Tan Sri H. T. Ong as well as the Joint Parliamentary Select Committee for having done a good work, I am afraid that certain flaws have arisen here because, as I know, when they went round interviewing people who were interested in this social reform, they went mostly to the big towns and saw mostly women who were educated and, worse still, the women who were educated were mostly Western-educated women. I would like to ask whether the Royal Commission or the Joint Select Committee went down to the estates to talk to the women there or whether they went down to the new villages to talk to the women there and asked their opinions on the implications of this Bill, which the Deputy Minister calls a quiet social reform Bill. I think a different story would have arisen had the Commission and the Committee carried out their work in the way as I just mentioned.

When I received this Bill, before coming to Parliament I went down to three villages and asked the women there, "Do you know what this Bill is all about?" They know what it is all about and their perasaan, feeling, is "one husband, one wife". But there are a lot of circumstances where women would agree among themselves and would prefer to some

form of polygamy. As a man who respects women for what they want, i.e., women's rights, I have to agree; or else, as Datuk Nik Hassan has said, if I do not agree, when I go home, my wife will hentam me. *(Ketawa)* But judging from the social conditions that exist at certain villages and estates, I must point out that there are extenuating circumstances whereby we must permit in the Bill to allow, by some form of mutual consent, polygamous marriages if so desired by all parties concerned. I give you certain examples. A wife after marriage is found to be non-barren, cannot bear children . . . . .

**Datuk Athi Nahappan:** Barren!

**Dr Lim Keng Yaik:** Barren—I beg your pardon—cannot bear children and the husband would not know before-hand whether she can bear children or not—there is no trial before that. Lepas itu, barulah dia tahu isterinya tidak boleh beranak. But according to our social customs, especially according to social values and social norms in the villages, it is very important to have children. Otherwise, the wife will go into disrepute with the whole family. The whole family will not even talk to her, will consider her to be an outcast, worse than a person having leprosy, if she cannot bear children. Can you imagine the anguish of that woman when she finds that she cannot bear children? Is suicide the way out? Is divorce the way out? The poor woman for no valid reason of her own—and she did not know until she put the marriage to trial that she was barren—now all of a sudden becomes a social outcast. Under the circumstances there are two ways out: either she divorces or she runs away and never to be heard again. Under this law she has to get a divorce in order to allow the husband to marry another one. In these circumstances, is it justifiable to allow for that divorce for a woman? For no reason of her own, she loses her security for life, she loses the companionship of a man for the rest of her life. I know a lot of women in villages under the circumstances, in the present situation, based on the present social value, would accept the husband's taking a second wife; they would even positively go out and look for a second wife for the husband in order to fulfil this need. If such a thing happens, do we allow the husband to marry two wives? This Bill does not allow.

A young girl gets married. On her wedding day, she somehow or other gets over-excited, falls down and breaks her back and becomes totally bed-ridden—an accident. She cannot perform the duties of a wife and the poor husband has to suffer for the rest of his life. So under such circumstances, when a wife cannot perform her duty as a wife, as a housewife, she may again look the other way to get another wife for the husband.

In the new villages, there are lots of unmarried spinsters who are just dying to get married in order to have security for the rest of their lives. If we base these on Western standards, in America and in England, these women can look after themselves because they can get well-paid jobs, social welfare, etc. So they are quite contented to live the life of a single lady of good repute. But in Malaysia, under our circumstances, a lot of women would prefer to be a second wife rather than to live a lonely life, and in villages you have all these kinds of combinations where a woman prefers to be a second wife, where a first wife prefers to get a second wife for her husband. All these exceptional cases are not covered by this law and, in point of fact, the very law that is meant to protect women under these circumstances become harmful to the very women concerned. Let us think about it. Do not accuse me of advocating polygamy. No! I support this Bill on monogamy but based on our social values, our social norms at the present moment in our country—Eastern way of life, Eastern appreciation of the marriage institution, not Western appreciation can we allow exceptional cases to be included in this Bill? Then all the different loopholes when converting into Islam as Datuk Nik Hassan has just said, all those complications will not arise. At the present moment, as I see it, there is a religious loophole in the law because the Bill has not provided a lawful loophole. That is that. Because I too hope that one day in the future, we can have a uniform law for all women in this country, not based on religious beliefs or anything but a uniform law that advocates a monogamous system but with all the different syarat-syarat, conditions to cover certain situations so that monogamy can be a recognised system in this country. We see in the West that they have asked for Women's Liberation, Women's Equal Rights.

We see in the West 100 marriages, 50 divorces—2:1. Hari ini kahwin, esok bercerai! Do we want this to happen in our country, in the East? Then again, there is the East's appreciation of the marriage institution. All these years, because of this respect for the marriage institution and because of the values attached to this marriage institution, people have remained married even though in Western terms, the marriage has become incompatible. They just carried on. For what? For the sake of the children. Di Amerika Syarikat, di United Kingdom, anak tidak kira, kalau kita tidak suka boleh pergi ke mahkamah dan bercerai, kita boleh cari orang lain. Do we want this to happen in our country? I implore all the women to think. I can assure you that within 5 to 10 years from now, with this law, divorce cases will increase. But still, I agree on the monogamous state but under exceptional circumstances allow for certain forms of polygamous arrangements.

This Bill has very far-reaching implications on the women because whatever they want, whatever they have hoped for, whatever they have fought for, is being disciplined under one law. That means they have got to discipline themselves—certain past values, past beliefs of the marriage institution have to be changed to fit into this monogamous Bill. But do our women *in toto* in Malaysia, especially the non-Muslim women, who are being affected by this Bill, understand the far-reaching implications of this Bill? If they have not, could I ask the Government, through the mass-media, through the papers, explain to the very women which it is supposed to protect, the far-reaching implications that they will be facing as soon as this Bill is made into law.

In the past, as the Minister has said, none of the Buddhist or Hindu marriages had ever bothered to register. In fact, in the rural areas, I would put it to as high as 90 who did not bother to register at all. When this law comes into force, they have to register. But the old values, the old beliefs are still there. Unless we educate them some way or other, the very law that we are passing today is going to hurt them in time to come unless they understand and they know what the implications of this law is all about.

Here I ask the Government to do something about it, perhaps ask the Gerakan Wanita, not Parti Gerakan Wanita (*Ketawa*), the Women's Movement, to institute a movement to educate the women on what they have fought for them and what really this Bill means and hope that in time to come, every woman in this country will understand. I have no doubt that they will appreciate it, but they will also understand the implications of this Bill.

The Deputy Minister in his speech when introducing this Bill, said, and I quote:

"The People's Republic of China, however, promulgated on April 30, 1950, a marriage law which introduced monogamy to the "New-Democratic Marriage System" of Communist China. Thus monogamy had been introduced in China 25 years ago and India 2 years ago . . . . ."

**Datuk Athi Nahappan:** 20 years ago.

**Dr Lim Keng Yaik:** Pardon! 20 years ago. Sorry, it is a misprint here, I beg your pardon.

". . . . It cannot therefore be said that we in Malaysia are radical or leaping into the future in providing monogamy to non-Muslim marriages through this Bill."

It straightway strikes my mind—is the Government taking the cultural behaviour, the social behaviour of Communist China and of India at the present moment to judge the cultural behaviour of Chinese and Indians in this country? Is it? I hope this would be clarified. If it really is, it has far reaching other implications based on the cultural attitudes or the cultural appreciation of the Chinese community and the Indian community in this country. We are building up an identity of our own—a Malaysian identity—and we do not want to base our culture on any other cultures from any other country. I hope the Minister will clarify on the words that were spoken here.

I would not like to talk very much further, Tuan Yang di-Pertua. This Bill has become very interesting. I do not know whether it is because most of you in the Dewan Negara—excluding myself because I am young—have been married for many years and appreciate this Bill and that is why you have been speaking at length and you have spent two days in debating this Bill, whereas the

younger folks in the Dewan Rakyat pushed through it and that is the end of it (*Ketawa*). I do not know—perhaps, you all have the experience that makes things so interesting to debate on an interesting Bill here, but with these last few words, I would like to end my speech.

With the advent of this Bill, though morally it cannot be denied that it is good for women and women's liberation as a whole, which is a Western orientated ideal, I fear that Eastern reverence for the marriage institution has been sacrificed for the Western ideal of women's equal rights. As a result, divorces will be the order of the day for the future to come as there are no provisions for the compromise of Eastern tolerance of exceptional situations in this Bill. I hope the Minister concerned will look into it and bring it to the Cabinet to consider including these exceptional cases into this Bill.

5.23 ptg.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan):** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah syak bahawa Rang Undang-undang ini adalah sangat interesting (*Ketawa*). Dan saya juga menarik perhatian dengan pesatnya atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator-senator di sini. Saya faham pada keseluruhannya tiap-tiap Senator yang membahaskan atas Rang Undang-undang ini adalah menyokong Rang Undang-undang ini sungguhpun ada Senator-senator yang menarik perhatian kepada sesuatu peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini dan memberi pandangannya dengan jujur, jelas dan saya menghargai tiap-tiap pandangan yang diberikan di dalam Dewan ini.

Sejumlah 15 orang Senators telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Apa yang saya suka menjelaskan ialah Bil atau Rang Undang-undang ini tidaklah dibuat oleh Kerajaan atas sesuka hatinya.

Beberapa tahun dahulu, masyarakat-masyarakat bukan Islam adalah meminta membaharui undang-undang perkahwinan ini dan juga Mahkamah-mahkamah Tinggi di negeri kita ini adalah selalunya memberi pandangannya atas kekurangan undang-undang perkahwinan masyarakat bukan Islam di sini. Hakim-hakim selalu

menarik perhatian atas kelonggaran undang-undang perkahwinan bukan Islam di negeri ini dan sebagai menjawabnya—in response to it, Kerajaan berfikir kita mengkaji masalah ini dan membuat suatu undang-undang yang sesuai di dalam suasana negeri kita. Kerajaan tidaklah membuat Undang-undang ini dengan serta-merta atau dengan tidak menimbangkan hal ini dengan mendalam.

Saya fikir pada tahun 1968 sebuah Jawatankuasa di Pejabat Peguam Negara telah ditubuhkan dan diketuai oleh Parliamentary Draftsman pada masa itu untuk mengkaji masalah ini. Kemudian Kerajaan memikirkan bahawa Jawatankuasa seperti ini tidaklah mencukupi kerana perkara ini adalah sangat penting dan lebih sesuai Kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja kerana kuasanya adalah lebih tinggi dan tarafnya tinggi dan Suruhanjaya ini adalah menjadi sebagai sebuah badan penyiasat (enquiry commission). Dan dengan sebab itu pada tahun 1970 Suruhanjaya Di Raja ini ditubuhkan oleh Kerajaan dan diketuai oleh Hakim Besar Malaysia Barat pada masa itu dan saya bersetuju bahawa Suruhanjaya ini terdiri dari ahli-ahli yang bukan Islam. Ini Kerajaan membuat dengan sengaja kerana terms of reference atau tugas-tugas Suruhanjaya ini hendaklah dibuat apabila Kerajaan membuat sebuah Suruhanjaya yang seperti ini atau sebuah Jawatankuasa Penyiasat, Kerajaan biasanya hendaklah menentukan apa yang dikatakan terms of reference, mengikut tujuan tugas badan ini. Inilah satu peraturan yang biasa dan saya suka menarik perhatian kepada terms of reference yang disebutkan di dalam Laporan Suruhanjaya Di Raja, kerana saya fikir perkara ini sangatlah mustahak apabila memberi pandangan kita perlulah menghadkan pandangan kita kepada framework atau boundary terms of reference. Terms of reference berbunyi seperti berikut:

- (i) to study and examine existing law relating to marriage and divorce (other than Muslim Marriages) (selain dari perkahwinan Islam) and to determine the feasibility of a reform, (mengkaji kemungkinan membaharui undang-undang) if any is considered necessary (jika ditimbangkan perlu) in particular, in the light of the resolution of the United Nations Convention on consent of marriage, minimum age for marriage and registration of marriages.

Tiga perkara hendaklah diambil perhatian mengikut resolusi United Nations Convention iaitu:

- (i) persetujuan untuk kahwin (consent of marriages)
- (ii) umur minima perkahwinan (minimum age of marriage) dan
- (iii) pendaftaran perkahwinan (registration of marriage)

Suruhanjaya Di Raja ini hendaklah mengambil perhatian kandungan resolusi itu mengenai tiga perkara tersebut.

Tujuan yang kedua ialah to receive and consider representations (menerima dan menimbang cadangan-cadangan) that might be submitted from any racial or religious group (dua golongan: satu racial, satu religious) affected or likely to be affected by the changes or reform of the existing marriage and divorce laws; and to prepare and submit a report to the Government and recommend changes or reform, if any, to be made to such laws.

Perkataan-perkataan yang besar di sini ialah satu bangsa (race) atau satu golongan agama yang kena (affected) atau kemungkinan of being affected. Ini bermakna melainkan orang Islam. Ini bermakna tugas Suruhanjaya ini perlu atau semestinya dihadkan penyiasatan kepada kaum-kaum melainkan kaum Islam. Sebab itu ahli-ahli Suruhanjaya Di Raja ini terdiri dari ahli-ahli bukan Islam. Inilah tujuannya.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham kerana penerangannya kurang jelas. Saya suka hendak minta penerangan yang lebih jelas lagi. Mengikut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Suruhanjaya Di Raja ini Kerajaan sengaja letakkan orang-orang yang bukan Islam kesemuanya. Tetapi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga berkata tugas-tugasnya ialah menimbangkan perkara-perkara yang ada berkaitan dengan kaum dan agama Islam. Jadi ini saya tidak faham apa maksudnya. Adakah penerangan itu sesuai dengan apa yang diterangkan daripada kehendak Suruhanjaya itu. Itu saya kurang jelas sedikit.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta penjelasan!

**Datuk Athi Nahappan:** Saya fikir Yang Berhormat Datuk Nik Hassan barangkali kurang faham dengan apa yang saya jelaskan tadi. The terms of reference tidaklah berhak menyentuh perkara-perkara kaum Islam. Ini telah diasingkan. Apa yang dikatakan di sini ialah Suruhanjaya Di Raja ini semestinya menerima dan menimbang cadangan-cadangan atau syor-syor daripada satu kaum atau satu umat agama yang kena atau kemungkinan kena, that is, to be affected or likely to be affected, melainkan kaum Islam. Ini sudah disebutkan dalam tugas nombor satu mengkaji dan menyiasat terhad kepada kaum-kaum melainkan other than Muslim marriages, relating to marriages and divorce other than Muslim marriages. Ini bermakna Suruhanjaya Di Raja ini tidaklah boleh menyentuh perkahwinan Muslims. So, these were the reasons why the Royal Commission was constituted in the way it was done because it was required to study only the non-Muslim Marriages and to receive representations from those sources because they were to be affected, not the Muslims. That was the reason for the constitution of the Commission.

Suruhanjaya Di Raja ini telah habis penyasatannya dengan menerima pandangan-pandangan yang tertulis daripada orang-orang perseorangan dan juga institusi-institusi, perbincangan-perbincangan yang suka memberi pandangannya kepada Suruhanjaya ini. Kesimpulan Suruhanjaya Di Raja ini sebagai satu konsep yang baru dan satu konsep perkahwinan (concept of marriage) yang mustahak terhadap orang-orang bukan Islam ialah disebut di lapuran ini dalam muka surat 12 dalam bahasa Inggeris berbunyi seperti berikut:

The Commission is convinced that public opinion is overwhelmingly (paling) in favour of the abolition of polygamy—menyokong menghapuskan polygamy bagi kaum-kaum bukan Islam.

Inilah kesimpulan yang disebutkan dengan sejelasnya berdasarkan atas cadangan-cadangan dan syor-syor yang telah diterima oleh Suruhanjaya Di Raja.

Suruhanjaya Di Raja ini juga menyiapkan satu Rang Undang-undang atas syor-syor yang diterima dan Rang Undang-undang itu adalah diserahkan kepada Dewan Rakyat

seperti saya kata dua hari dahulu dan juga seperti yang diulang oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin.

Apa yang mustahak ialah Rang Undang-undang ini tidak langsung menyentuh perkahwinan Muslim dan juga seorang yang berkahwin di bawah undang-undang Islam. Juga sesuatu perkahwinan Muslim tidak boleh diupacara atau didaftarkan di bawah undang-undang ini. Rang Undang-undang ini tidaklah memberi komen atas undang-undang Islam (Islamic Law) mengenai perkahwinan atau perceraian. Rang Undang-undang ini tidaklah menyentuh concept of polygamy *per se* as such, secara langsung atau tidak langsung. Apatah lagi Rang Undang-undang ini menyatakan yang menyentuh Islam ini disebutkan dalam Fasal 51 bahawa kalau seseorang suami isteri (spouse) masuk Islam, iaitu seumpamanya satu parti. Clause 51 tidak menyatakan suami atau isteri, tetapi satu parti masuk dalam Islam, satu parti yang lain boleh menyerahkan petition untuk perceraian dengan syarat petition itu dibuat setelah tiga bulan. Ini mengikut Undang-undang Islam. Tiga bulan di sini adalah diberi untuk satu parti yang tinggal sebagaimana saya katakan, fikirlah kalau dia mahu masuk, dia boleh masuk dalam agama Islam kalau dia kasih sayang kepada suaminya, dia boleh ikut suaminya memeluk agama Islam. Kalau dia suka ugamanya sendiri, inilah satu soal apakah dia lebih kasih ugamanya atau suaminya. Kalau dia mahu suaminya, ikutlah suaminya, kalau dia kasih ugamanya lebih, dia ada berhak dalam fasal ini tinggal dalam ugamanya sendiri. Tetapi saya bersetuju seterusnya atas pandangan Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, inilah satu keadaan yang tidak dapat ditentukan mengenai nafkah (maintenance) bagi perempuan itu dan juga anak-anaknya.

Clause 51 tidak sebut (express) dengan jelas apakah akan jadi mengenai perkahwinan itu. Dalam Undang-undang, perkahwinan itu tidaklah dibubarkan, di bawah undang-undang Islam, perkahwinan itu adalah dibubarkan, tetapi di bawah Undang-undang ini tidaklah disebutkan adakah suaminya berwajib memberi nafkah kepada isterinya atau anak-anaknya. Sungguhpun tidak disebut dalam Undang-undang ini tetapi adalah disebut dalam satu undang-undang lain iaitu Married Women and

Children (Maintenance) Ordinance, 1950. Sungguhpun seseorang suami masuk agama Islam daripada agama lain, dia berwajiblah mempertahankan atau memberi nafkah (maintenance) kepada isterinya dan juga anak-anaknya. Ini sekarang ada berjalan di mahkamah kita di seluruh negara, isterinya boleh masuk permohonan dalam mahkamah dan minta maintenance bagi dirinya sendiri dan juga anak-anaknya, tetapi dalam undang-undang ini tidak disebutkan. Saya bersetuju ini adalah dibuat setelah menimbang dengan teliti dan mendalam oleh Jawatankuasa Pilihan Bersama Parlimen ini dan kesimpulan ini didapati atas prinsip perikemanusiaan—on human ground.

Kalau seseorang memasuki agama Islam, ini adalah satu hal dia sendiri, dia tidak boleh ditahan. Sungguhpun dia masuk Islam dia adalah mempunyai kewajiban kepada isterinya sebagai manusia.

Dia tidak boleh lari tanggungjawabnya, menunjukkan taraf yang baru atas agama, dia tidak boleh mengatakan demikian, walaupun dia boleh mengatakan mengikut undang-undang Islam. Misalnya, sekarang saya sudah jadi orang Islam, saya mesti bertanggungjawab. Ini adalah satu hal kita boleh kaji, bolehkah itu difikirkan satu kelakuan yang bermoral atau tidak bermoral dan juga undang-undang ini Ahli-ahli Jawatankuasa memikirkan atas prinsip kemanusiaan dan dia hendaklah buat jasa tetapi dalam Undang-undang ini tidak menyebutkan Married Women and Children (Maintenance) Ordinance, 1950. Ini boleh dibuat. This looseness of situation has been left untuk membolehkan isterinya timbang lagi, bukan sahaja dalam 3 bulan, 6 bulan atau satu tahun dia timbang lagi dan fikir lebih baik dia masuk Islam, dia boleh masuk, dia ada masa untuk mempertimbangkan, mengapa mesti kita paksa dia ambil tindakan segera atau mengatakan perkahwinan itu sudah dibubarkan oleh suatu undang-undang bila mana seorang suami atau seorang perempuan sudah masuk agama Islam. Dengan cara itu satu atau lain parti boleh timbang dan kalau satu parti mengasihi kepada suaminya atau isterinya barangkali masa itu bolehlah facilitate, membolehkan dia mengambil satu keputusan yang berguna kepada kedua mereka itu. Tetapi ini tidaklah langsung dia mengurangkan taraf Islam, menghinakan taraf Islam. Apa yang di-

katakan di dalam Undang-undang ini, satu parti yang tinggal, apakah hak-haknya. Itu sahaja yang dikatakan. Orang yang masuk Islam, haknya tidak disebut di sini, hak-haknya dan kewajipannya adalah dijalankan oleh undang-undang Islam.

Dan lagi saya fikir, unfortunately the word "Islam" is used because the law is applicable to all non-Muslims except the Natives of East and West Malaysia. As between religions, the law on one hand covers all religious marriages except the Islamic marriages. It is in this context, for the purposes of clarity, untuk penjelasan dalam kontek ini perkataan "Islam" digunakan dalam Fasal 51, bukan as a disrespect or in a derogatory sense of the Islamic religion.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Untuk penjelasan. Timbalan Menteri kata undang-undang ini ada kelemahannya kerana menanggung anak dan isteri tidak dimasukkan. Jadi anak dan isteri itu boleh didakwa di bawah undang-undang lain. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang pada satu masa nanti akan meminda undang-undang ini supaya dimasukkan ke dalam undang-undang yang sama supaya tidak menjadi kekeliruan kepada anak dan isteri yang ditinggalkan oleh suami itu.

**Datuk Athi Nahappan:** Inilah dalam timbangan Kerajaan, sedang difikirkan, mungkin dikaji provision ini semula dan kalau perlu akan dipinda provision ini.

The Bill was finally drafted with the approval of the Parliamentary Select Committee in which Muslim lawyers served. It was also approved by the Cabinet. No one can fairly say that the Parliamentary Select Committee or the Cabinet would have allowed the use of the word "Islam" in a derogatory context or sense.

Dan lagi ada juga ditanya di Dewan ini kalau kita mahu membaharui undang-undang perkahwinan kaum-kaum bukan Islam mengapakah kita cari undang-undang yang jauh berlainan daripada suasana di sini atau social context, lebih baik kita menggunakan undang-undang yang ada di negeri kita ini iaitu undang-undang Islam.

Setakat ini dalam masyarakat kita pada keseluruhannya kaum Christian adalah menganuti atau menjalankan perkahwinan

concept monogamy dan juga kaum-kaum yang lain melainkan kaum Christian iaitu ugama Hindus, Sikhs, Buddhists adalah berhak setakat ini practise poligamy tetapi sebenarnya kebanyakan mereka tidaklah practise ini, mereka practise monogamy sahaja, saya fikir lebih kurang 90%. Ini berdasarkan beberapa alasan, iaitu:

- (1) sebagai moral lebih baik kita adakan seorang perempuan pada satu masa perempuan yang sudah berkahwin, bukan disimpan;
- (2) it makes sense mengadakan seorang isteri pada satu masa atas dasar ekonomi (finance) dan juga atas prinsip atau dasar psychology juga berkenaan dengan anak-anak lebih baik pada keseluruhan umat manusia semua religion sungguhpun kaum-kaum atau umat-umat ada berhak mengambil lebih daripada satu isteri.

Biasanya orang suka beristeri seorang sahaja, bukan lebih. Kalau dia mahu seorang perempuan, itu lain—escapism; dia mahu simpan, itu lain, dia mahu bebaskan sementara, itu lain tetapi dalam sempadan perkahwinan selalu manusia di dunia ini suka mengambil seorang isteri yang sah sahaja. Kalau dia tidak mahu sah, itu lain hal, tetapi ugama-ugama Hindus, Buddhists dan Sikhs adalah mengalami beberapa kesusahan iaitu kurang kemudahan, kemudahan undang-undang (legal facilities) kerana undang-undang mengangap mereka sebagai polygamous society, sebab itu mereka tidak boleh dapat kemudahan-kemudahan (remedies) undang-undang daripada mahkamah-mahkamah yang biasanya diberikan kepada perkahwinan-perkahwinan monogamous. Sebab itu masyarakat ini beberapa tahun yang dahulu mengalami kesusahan, tidak boleh dapat perceraian dalam mahkamah, tidak boleh dapat lain-lain kemudahan (facilities) daripada mahkamah melainkan kemudahan-kemudahan tertentu iaitu inheritance—pesaka dan juga pencen atau lain-lain hal ada juga menghadapi kesusahan, siapakah isteri yang sah dan siapakah isteri yang tidak sah, kalau dia ada lebih daripada seorang isteri, kerana dalam undang-undang yang ada sekarang ini tidaklah wajib mendaftarkan perkahwinan-perkahwinan mereka sungguhpun kaum-kaum ini adalah berhak memasuki taraf monogamy dengan mendaftarkan per-

kahwinan-perkahwinannya di bawah Civil Marriage Ordinance, 1952. Kalau satu pasangan Hindu yang sudah berkahwin dia ada hak choice, option untuk memasuki taraf monogamy atau mengambil status monogamy. Mereka boleh buat dengan registration di bawah Civil Marriage Ordinance, tetapi pada hakikatnya sangat kurang pasangan buat seperti ini atau mengambil kesempatan ini dan undang-undang ini tidak lagi effective selama ini.

Dalam penyiasatan Suruhanjaya dan juga penyiasatan Parliamentary Select Committee dalam mana saya pun menjadi seorang ahli yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Peguam Negara pada masa itu kita ada pergi ke beberapa tempat. Yang Berhormat Dr Lim ada menyatakan rasa tidak puas hati atas penyiasatan atau keluasannya penyiasatan itu. Beliau ada mengatakan dia dapat tahu Select Committee tidak pergi ke estet, ladang-ladang dan juga kampung-kampung baru, tetapi Yang Berhormat Dr Lim itu mesti tahu Parliamentary Committee atau Suruhanjaya selalunya tidak pergi ke tempat-tempat yang seperti itu. Kalau mahu pergi ke tempat-tempat yang semacam itu kita tidak boleh menghabiskan kerja yang semacam ini dalam beberapa tahun.

Siasatan kedua-dua badan ini adalah disiarkan dalam suratkhbar dari masa ke masa dan juga melalui radio dan lain-lain mass media dan siapa yang hendak memberi pandangannya dengan mulut atau bertulis dia adalah berhak membuatnya dan ada beratus-ratus orang menulis surat kepada Suruhanjaya Di Raja ini dan juga menghadiri dalam enquiry yang dibuatkan oleh Parliamentary Select Committee di ibu negeri di seluruh negeri siapa pun tidak melarang dalam memberi pandangannya. Tetapi saya tidak ingat Yang Berhormat Dr Lim sendiri ada datang ke hadapan Parliamentary Select Committee atau partinya tidak buat satu permohonan atas hal ini sungguhpun parti-parti yang lain ada memberi memorandumnya atas hal ini, tetapi orang perseorangan daripada kaum China atau Hindu (bukan Islam) adalah ramai datang ke hadapan Parliamentary Select Committee ini memberi pandangannya. Saya boleh menyatakan pada keseluruhannya mereka menyokong prinsip monogamy sebagai satu law reform membaharui undang-undang mengikut suasana di dunia sekarang. Orang ada mengatakan

concept ini satu expression of equality antara sexes, perempuan dan lelaki. Ini satu keadaan equality atau tidak, saya tidak mahu campurtangan dalam hal itu tetapi inilah kebanyakannya dan dengan sebab itu prinsip monogamy disyorkan dalam Undang-undang ini. Tetapi ini tidaklah bermakna disalah fahamkan. Ini suatu kesimpulan untuk menentang polygamy, polygamy dan monogamy bolehlah dijalankan bersama-sama di negeri kita ini, dan pada masa hadapan kalau ada golongan yang mahukan monogamy hendaklah berfikir sebaliknya dan adopt polygamy sepenuhnya.

Pada masa sekarang ini polygamy dalam masyarakat Hindu, masyarakat Buddhist dan Sikh tidak terhad, kaum Islam tidak boleh lebih daripada empat, tetapi kalau seorang Hindu sekarang sebelum Bil ini diluluskan mahu berkahwin, dia boleh kahwin enam orang isteri atau lebih. Isteri saya pun seorang ahli dalam Suruhanjaya Di Raja ini dan dia juga rekomen monogamy dan saya biasanya dapat pertikaian dengannya, saya pun beri amaran sebelum Undang-undang ini dikuatkuasakan bahawa saya boleh ambil satu dua lagi, tetapi saya fikir masa sudah singkat sekarang dan had usia saya sekarang barangkali hilang tidak berapa lama lagi. Ini bermakna saya tinggal dengan seorang isteri sahaja, tetapi ini sebagaimana saya katakan bila saya berada dalam Parliamentary Select Committee, saya juga memberi amaran kepada isteri saya, saya boleh tukar, tetapi saya tidak boleh tukar.

Yang Berhormat Dr Lim juga mengesyorkan lebih baik kita mengadakan poligamy terhad, inilah maknanya limited polygamy. Dia ada beri dua contoh iaitu kalau seorang isteri tidak boleh beranak (barren), adakah patut diceraikan? Lebih baik suaminya berhak mengambil isteri yang lain untuk mendapat anak. Philosophy perkahwinan di Asia biasanya ialah untuk mendapat anak, inilah procreation bukan sex. Sex bukanlah melalui perkahwinan. Mendapatkan anak-anak ialah prinsip perkahwinan. Kalau begitu kalau seorang isteri tidak boleh beri anak patutlah ambil isteri yang lain dengan atau tidak persetujuan isteri yang ada sekarang. Inilah pandangan Dr Lim. Pandangan ini adalah diberi kepada Parliamentary Select Committee oleh beberapa orang, tetapi Parliamentary Select Committee menyentuh lebih baik kalau mereka mahu seorang anak,

perempuan tidak boleh melahirkan anak, lebih baik ambil anak angkat (adopt). Ini satu sebab yang baik. Ini prinsip atau marriage philosophy. Apakah marriage philosophy? Di dunia Barat, (Western world) sekarang philosophy atau falsafah marriage adalah companionship, bukan mendapat anak. Kalau isteri tidak boleh dapat anak, boleh adopt satu child, ini falsafah Barat sekarang, tidak boleh cerai kerana isteri tidak boleh hamil (pregnant) tetapi falsafah Timur di sini kalau seorang perempuan tidak boleh hamil . . . . .

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri kata kalau isteri itu tidak beranak, boleh kahwin lagi, kalau lagi satu tidak boleh beranak pula, bagaimana? (*Ketawa*).

**Datuk Athi Nahappan:** Kalau kita terima perinsip perkahwinan adalah beranak dan kalau seorang isteri tidak boleh beranak mestilah lanjutkan prinsip itu, dapatkan yang kedua dan kalau yang kedua tidak boleh beranak, dapatkan yang ketiga. Ini bermakna polygamy. Kalau perceraian tidak boleh dibenarkan, apakah alasan ini? Dalam Undang-undang ini tidaklah menjadi satu alasan untuk menceraikan isteri. Tetapi juga ada orang argue, kalau hak ini diberi kepada suami atas medical examination adalah dibuktikan kekurangan ini bukanlah kekurangan isteri tetapi kekurangan suami, apakah hendak buat dalam keadaan begitu? Bolehkah isteri minta: "Saya mahu anak, suami saya tidak boleh menghasilkan, bolehkah saya sekarang ambil satu suami lagi? Inilah satu argument yang timbul. Kalau beri hak kepada perempuan atas keadaan taraf sama, hak serupa juga diberi kepada isteri, isteri kalau mahu dia boleh juga meminta perceraian atas alasan ini, kerana husband barren. Dia tidak boleh ambil lagi satu suami, itu menjadi polyandry, seorang isteri mendapat lebih daripada satu suami, ini dikatakan dalam bahasa Inggeris polyandry. Polygamy itu lebih daripada satu isteri. Polyandry sekarang di dunia ini sudah mati, tetapi masih ada satu dua tempat, saya dapat tahu barangkali di Nepal ada orang melaksanakan sistem ini.

Dengan kesusahan hal ini tidaklah diperuntukkan di sini perihal untuk dapat isteri yang kedua, kalau isteri yang pertama tidak boleh dapat anak.

**Dr Lim Keng Yaik:** Kalau mengikut philosophy menamakan anak-anak yang ada sekarang di seluruh dunia, anak mengikut nama bapanya, kalau kita tidak tukar philosophy macam itu, saya ingat contohnya orang perempuan boleh mengambil dua suami atau tiga suami, ini tidak termasuk sekarang, tidak termasuk dalam perbahasan sekarang. Kalau mahu ambil contoh ini, semua philosophy menamakan anak-anak, umpamanya, anak diberi nama mengikut bapa, atau mengikut nama bapa atau mengikut nama emak, ini semua tukarkan. Kalau kita mengikut sekarang, anak mengikut nama bapa, polyandry tidak boleh ada. Kalau ada walaupun nama anak itu keluarga semuanya sudah bertukar. Itulah sahaja.

**Datuk Athi Nahappan:** Terima kasih. Dan lagi Yang Berhormat Senator Dr Lim juga meminta poligami terhad (limited polygamy) atas alasan yang kedua iaitu kalau seorang isteri sesudah berkahwin mendapat satu kecederaan yang serious se umur hidup (permanent) bolehkah suami mendapat isteri yang kedua. Sekarang undang-undang ini tidak membenarkan suami mengambil isteri kedua atas alasan yang kedua ini. Dan juga dalam Fasal 50 kedua-dua sebab ini tidaklah menjadi alasan-alasan untuk mendapat penceraian. Alasan-alasan ada empat sahaja disebutkan dalam Fasal 54 dan kedua-dua ini tidaklah menjadi bahagian dalam peruntukan-peruntukan ini. Empat alasan itu, antara lain, melakukan zinah seorang suami atau isteri. Yang kedua ialah tingkanlaku yang buruk, yang ketiga ialah meninggal langsung sipetisyen sekurang-kurangnya dua tahun dan ke empat ialah pihak-pihak kepada berkahwin itu telah tinggal berasingan selama tempoh berterusan sekurang-kurangnya dua tahun sebelum sahaja penyerahan petisyen itu. Kalau dia mahu dengan bersefahaman bolehlah tinggal berasingan selama tempoh dua tahun tetapi ini boleh jadi atas persetujuan, kalau tidak ada persetujuan tidak boleh.

Saya bersetuju peruntukan-peruntukan ini tidak tersebut, tetapi saya suka memberitahu bahawa Kerajaan akan mengambil perhatian syor-syor ini dan akan dikaji sesuai atau tidak dimasukkan dalam Undang-undang ini.

Yang Berhormat Datuk Nik Haji Hassan bertanya kalau seorang itu masuk Islam apakah akan jadi kepada isterinya dan anak-

anaknya, bolehkah mereka dapat nafkah, ini saya sudah jelaskan. Saya suka habiskan jawapan dengan seberapa cepatnya, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad . . . . .

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Untuk penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab soalan saya satu sahaja. Jadi, dalam ucapan saya ada lagi dua. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ini mengambil pakar-pakar Islam untuk menjadi pakar-pakar undang-undang Kerajaan dalam mengatur undang-undang, dan satu lagi saya cadangkan supaya pengerusi Suruhanjaya diambil daripada Mufti-mufti yang tahu hal ugama Islam supaya dapat disesuaikan ugama Islam, Undang-undang Islam dengan undang-undang negara kita ini. Satu lagi pertanyaan saya ialah tentang undang-undang sekedudukan iaitu dalam Undang-undang ini tidak ada fasal yang boleh kita hukum atau tangkap mana-mana orang yang bersekedudukan. Jadi, inilah yang membawa kepada keruntuhan moral di Amerika dan di England anak haram ramai, inilah sebabnya. Jadi, adakah bila kita tidak ada fasal menghukum orang yang bersekedudukan ini bermakna kita menggalakkan keruntuhan moral di dalam negara kita sendiri, sebagaimana yang berlaku di negara Barat. Itu pertanyaan-pertanyaan yang masih belum dijawab.

**Datuk Athi Nahappan:** Bagi menjawab soalan yang akhir undang-undang ini tidak ada kena-mengena dengan perkahwinan dan penceraian. Kalau peruntukan-peruntukan Undang-undang ini dipakai mestilah parti-parti yang hendak berkahwin dan kalau mereka hendak bercerai Undang-undang ini juga dipakai. Kalau sesudah bercerai mereka tidaklah berkahwin lagi, mereka telah menjadi orang bebas. Kalau mereka hendak duduk sama-sama itu satu soalan moral dan peruntukan-peruntukan undang-undang ini tidaklah kena-mengena dengan satu kejadian, kerana mereka tidaklah berkahwin, dia sudah bercerai sekarang sudah jadi orang bebas. Kalau mereka mahu duduk bukan sebagai suami-isteri tetapi lelaki-perempuan itu halnya sendiri. Dalam Undang-undang Islam ini dikatakan Undang-undang khalwat, barangkali Undang-undang khalwat boleh dipakai atas mereka kalau mereka orang Islam.

Sekarang saya fikir tidaklah ada satu undang-undang mengenai kejadian seperti ini, dan tujuan Undang-undang ini tidaklah untuk mengawal kejadian seperti ini.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang sebagaimana soalan saya tadi untuk meminda pada satu masa kelak supaya apabila satu kelamin bercerai, maka dimasukkan di bawah Undang-undang ini, sebab kita sekarang mempunyai Undang-undang Nikah dan Cerai, bila masuk di bawah Undang-undang Cerai kita maknakan cerai itu dia mesti asingkan dirinya. Bercerai bermakna berpisah. Bila berpecah dia tidak boleh bersatu. Itu Undang-undang Cerai. Saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan silap mengatakan apa yang saya sebutkan itu ialah tidak kenamengena dengan Undang-undang Cerai. Pada fahaman saya cerai ini berasingan. Kalau dia duduk bersama dia tidak cerai. Undang-undang Cerai kita ini boleh dimasukkan satu fasal yang menyatakan siapa yang bercerai kenalah duduk berasingan atau tidak boleh duduk bersama. Siapa duduk bersama boleh dihukum. Saya fikir ini boleh dibuat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang untuk meminda supaya boleh ditambahkan di bawah peraturan cerai itu?

**Datuk Athi Nahappan:** Tuan Yang di-Pertua, bila kedua-duanya bercerai Yang Berhormat mengatakan mereka tidak boleh bersatu. Saya fikir mereka boleh bersatu bukan sebagai suami-isteri tetapi sebagai lelaki dan perempuan (*Ketawa*), kerana mereka telah hilang tarafnya sebagai suami-isteri dan berkelakuan sebagai immoral, sebagai orang bebas tidak terikat dalam perkahwinan. Saya tidak pasti adakah undang-undang ini sesuai untuk dimasukkan satu prinsip moral semacam ini, barangkali saya fikir undang-undang yang lain sesuai untuk mengawal kejadian seperti ini. Saya suka memberitahu Yang Berhormat Datuk Nik Haji Hassan bahawa perkara ini boleh ditimbangan bagaimana kejadian seperti ini boleh dikurangkan.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Kalau Timbalan Menteri tidak pasti, adakah Menteri mempunyai sama fikiran sebab Menteri kita sekarang ada bersama-sama di sini. (*Ketawa*).

**Datuk Athi Nahappan:** Itu perkara yang lain, saya fikir saya sudah jawab tadi. Jadi tidak payah saya ulangkan lagi.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad yang memulakan perbahasan ini ada menyentuh soal simpan gundek. Perkara ini juga telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain. Ada yang mengatakan kalau undang-undang ini dikuatkuasakan nanti ada golongan bukan Islam mencari gundek (*concubine*). Pada masa ini juga keadaan ini ada dialami. Tetapi apabila undang-undang ini dikuatkuasakan kemudiannya, adakah keadaan ini menambah atau mengurangkan lagi. Inilah satu daripada kelemahan dari segi kelakuan manusia khasnya orang-orang lelaki dan tidak boleh dihapuskan sama sekali, kalau seseorang itu berkehendakkan perempuan gundek sama seperti masyarakat Barat sungguhpun ada undang-undang seperti ini dijalankan seumpama itu. Tetapi kalau seseorang suami sudah kahwin dan menyimpan seorang perempuan gundek, ini bolehlah dianggap melakukan zina (*adultery*). Dan kalau perempuan mahu dicerai, dia boleh gunakan kejadian ini sebagai satu alasan untuk mendapatkan cerai. Saya juga sudah menjawab lain-lain point yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam ucapan pendahuluan saya.

Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt raised a few points. He mentioned about his doubts regarding the voluntary registration. He felt that in the case of the existing polygamous marriages, if they were required to be registered, there would be difficulties. Actually, under Clause 4 of this Bill, existing marriages, whether they were married under the respective religious law, under custom or usage, shall be deemed to be registered under this Bill, but even so, if a party wants to have its marriage registered voluntary registration is provided under Clause 33 if they want to get a certificate and so on; otherwise under the law they are deemed to be registered. Dr Lim Ah Sitt also raised the question of secondary wives. Well, I do not quite know what exactly he meant by secondary wives. All wives, if they are lawfully married, are wives. There is no such thing as secondary wives.

**Dr Lim Ah Sitt:** I mean the second, third or fourth wives.

**Datuk Athi Nahappan:** If that is the case, under Clause 5 existing polygamous marriages are recognised and in this context I would also like to answer Yang Berhormat Senator Haji Othman Abdullah. He was saying that after all this Bill on the one hand is trying to wipe out polygamous marriages but on the other hand it tries to maintain polygamy by recognising the existing polygamous marriages. This was done by the Royal Commission and it was also accepted by the Select Committee on humanitarian grounds. Once married, you are married. I mean by this law we cannot cut away all the other wives and tell them to go to hell. (*Ketawa*) So, the existing marriages, before the appointed date—whenever the Bill is to be enforced that will be the appointed date under Clause 5—all existing marriages, whether you have one wife, two wives or even more than five wives, if they are wives, are recognised, but not concubines or mistresses; they must be lawfully married wives under law, custom or usage. Concubines will not come within the category of wives. That is a point that must be clearly understood and eventually the additional wives will die off and if the man comes to one wife, then after that he cannot take on another wife and by one generation or so this present plural system will probably disappear and the lawful wife will be the only wife.

Dr Lim Ah Sitt raised a point about illegitimate children. Well, an illegitimate child is a “child of the marriage” under Clause 2. Again, under Clause 92 it says: “Except where an agreement or order of

court otherwise provides, it shall be the duty of a parent to maintain or contribute to the maintenance of his or her children” and when you try to define what is a child, then a child is a “child of the marriage” and here I would like to reply to Yang Berhormat Puan Rafidah Aziz. She had some doubts as to the meaning of the definition of “child of the marriage”. Actually, “child of a marriage” here covers quite widely. It covers four categories of children. First is the child of both parties to the marriage. There is no problem here. Second is, if I were to marry a woman and if she has a child by another person, that is her natural child, not my child, but if I marry her and if I accept that child as my child, I must accept that—that is the definition which is stated in Clause 2. Then it becomes a child of the marriage. It is not strictly adoption. The word “acceptance” is used when a person gets married. Then the third is, illegitimate child of either party. Now, suppose I produce an illegitimate child and then I take the child with me and I marry. If my child is accepted by my wife, then that becomes a “child of the marriage” even though the child is my illegitimate child. That is the third category.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menyambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari esok, 9hb Januari, 1976.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*